# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 37 | RABU 16HB SEPTEMBER, 1981. | رابو 17 ذوالقعدة 1401 | PERCHUMA


## Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-seru :

# BERIKAN K-SAMA SA-PENOH KAPADA K'JAAN BAGINDA — Titah.

**Oleh: Jaafar Ibrahim**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah menyeru Penghulu2 dan Ketua2 Kampong supaya menumpukan segala usaha dan tenaga pada memberikan kerjasama sa-penoh-nya kapada Kerajaan Baginda dengan hati yang tulus ikhlas.

Dengan ada-nya kerjasama sa-umpama itu, titah Baginda Yang Dipertuan, segala ranchangan yang di-laksanakan oleh Kerajaan Baginda akan dapat di-laksanakan dengan sempurna semata-mata untok kebaikan raayat dan negeri ini jua.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bertitah demikian di-majlis Keshukoran anjoran Penghulu2 dan Ketua2 Kampong sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-35 tahun yang telah di-adakan di-Dewan Persantapan Lapau di-sini pada malam Ahad 12hb. September yang lepas.

Baginda Yang Dipertuan seterus-nya bertitah memandangkan yang Penghulu2 dan Ketua2 Kampong ada yang menyandang Jawatan Menteri2 Pendalaman maka ada-lah munasabah bagi Penghulu2 dan Ketua2 Kampong untok berusaha dengan gigih dengan Menteri2 Pendalaman bagi kebaikan kampong masing2

"Apa yang Beta maksudkan ia-itu Penghulu2 dan Ketua2 Kampong terdiri dari Menteri2 Pendalaman atau Menteri2 Pendalaman yang tinggal di-Kampong Penghulu2 dan Ketua2 Kampong hendak-nya-lah bersama-sama bermuafakat untok mengusahakan kemajuan2 dan ketenteraman kampong2," titah Baginda.

Ini ada-lah kerana, memandangkan peranan yang di-mainkan oleh Menteri2 Pendalaman, Penghulu2 dan Ketua2 Kampong sabagai tali perhubongan raayat dan pendudok di-negeri ini dengan Kerajaan Baginda yang mana tugas Penghulu2 dan Ketua2 Kampong tidak-lah kurang penting-nya daripada tugas pegawai2 kerajaan yang lain.

"Melalui Penghulu2 dan Ketua2 Kampong-lah Ke-

Lihat muka 18



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bertitah di-Majlis Keshukoran anjoran Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah Brunei-Muara, di-Dewan Persantapan Lapau.

## Keamanan dan ketenteraman dapat di-kekalkan dengan ada-nya k-sama semua raayat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bertitah memang menjadi hasrat Baginda supaya raayat dan pendudok negeri ini dapat hidup dengan sempurna dalam keadaan aman damai sa-chuchok dengan nama Brunei sabagai Negeri Brunei Darussalam.

Di-mana, titah Baginda, keamanan dan ketenteraan itu hanya akan dapat di-chapai dan di-kekalkan jika semua raayat dan pendudok saling faham memahami akan tanggongjawab masing2 serta juga memahami dasar2 dan tujuan2 Kerajaan Baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bertitah kapada pendudok2 Mukim Saba semasa keberangkatan Baginda ka-mukim tersebut yang telah di-adakan di-Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Saleha di-sini pada hari Isnin lepas.

Lihat muka 18



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bertitah sa-masa keberangkatan Baginda ka-Mukim Saba pada hari Isnin lalu.

## Penghulu2 dan Ketua2 Kampong akan terus memberi sokongan dan kerjasama

Oleh :
JA'AFAR IBRAHIM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Daerah Brunei dan Muara saperti juga daerah2 yang lain di-negeri ini ada-lah sentiasa berkebajikan di-bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda.

Langkah2 dan usaha2 kerajaan pada 'mengalinga' hal ehwal raayat dan pendudok2 di-daerah ini sa-takat yang berkenaan dengan Pejabat Daerah Brunei dan Muara telah mendatangkan faedah yang berkebajikan kapada kemudahan dan kesenangan hidup mereka sa-hari2.

Semua hal sa-umpama ini dapat di-laksanakan, sembah Dato Paduka Haji Abdullah, ia-lah dengan ada-nya kerjasama yang erat dan sokongan yang kuat dari Penghulu2 dan Ketua2 Kampong itu sendiri.

Demikian, antara yang telah di-sembahkan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar di-Majlis Keshukoran sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kali yang ke-35 tahun anjoran Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah ini yang di-adakan di-Dewan Persantapan di-sini pada malam Ahad yang lepas.

Di-samping itu, sembahnya lagi, suasana yang saling bersefahaman serta saling menghormati yang telah berjasa dan menjadi teras kehidupan di-Brunei juga terus di-pupok melalui perundingan2 dan permuzakarahan yang di-adakan dari semasa ka-semasa

"Dalam suasana bertolak ansor dan 'batolak bahambit' itu hamba2 Duli Tuan Patek berkeyakinan akan dapat mengatasi sabarang masaalah dan kerumitan dalam pentadbiran serta urusan mengenai kebajikan raayat tambahan lagi dengan semakin kukoh-nya semangat mematohi sangat-lah membantu melichinkan urusan kerajaan semata-mata bagi kebaikan negeri ini dan kebajikan raayat serta pendudok jua," sembah Dato Paduka Haji Abdullah.

"Maka dengan itu hamba2 Duli Tuan Patek sangat-lah menaroh harapan yang cherah kapada masa depan yang harmoni lagi gemilang di-daerah ini, Insha Allah dan dengan berkat pimpinan bijaksana Kebawah Duli Tuan Patek," sembah Pegawai daerah itu sa-lanjut-nya.

Lihat muka 18

## Melahirkan sa-orang Puteri

MENJUNJONG sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin dengan amat sukachita diumomkan bahawa Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain, isteri kapada Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof, dengan izin Allah telah selamat melahirkan sa-orang puteri pada kira2 pukol 9.15 malam hari Rabu, 10hb Zulkaedah 1401 bersamaan dengan 9hb September, 1981.

## Manis-nya Iman

"TIDAK-LAH beriman sa-seorang itu sa-hingga apabila berhadapan dengan surohan atau tegahan — kechenderongan-nya mengikut ajaran ugama yang ku-bawa." — HADITH Nabi riwayat Abu Al-Qasim Al-Asfahani daripada Abu Muhammad bin Abdullah bin 'Amru bin Al-'As.

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

16HB SEPTEMBER, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## PERHUBONGAN RAPAT BRUNEI — SABAH

PERHUBONGAN rapat di-antara raayat negeri ini dengan raayat negeri Sabah memang telah lama ujud. Maka ada-lah tepat keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan ka-Sabah baru2 ini Baginda sifatkan sa-bagai "membaharui dan mempereratkan lagi perhubongan yang sedia ada itu."

Tidak shak lagi keberangkatan Baginda itu meninggalkan kesan yang akan di-jejaki dalam perhubongan kejiranan di-antara Brunei dengan Sabah dan perhubongan kenegaraan di-antara Brunei dengan Malaysia. Perhubongan2 serupa itu nyata-nya telah semakin di-ketarakan akhir2 ini. Dengan itu raayat negeri ini tentu menyambut-nya sa-bagai suatu yang menandakan peri lurus-nya niat kita dalam memajukan hubongan berbaik2 dengan jiran tetangga yang baik.

Berbagai2 ramalan telah timbul berikutan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengharapkan supaya keberangkatan Baginda itu akan menghasilkan kerjasama yang rapat dan berjiran baik yang mendatangkan menafaat di-antara raayat Malaysia di-Sabah khusus-nya dengan raayat negeri ini dalam bidang2 yang di-redhai Allah. Ramalan2 itu ia-lah tentang kerjasama yang akan di-jalin di-antara kedua buah negeri tidak lama lagi.

Bagaimana pun, kita perchaya ramalan sademikian itu di-buat dengan mengambil kira bahawa kedua2 belah pehak akan beroleh faedah bersama dan serentak dengan itu akan memberi sumbangan bagi mengukohkan semangat bekerjasama serantau.

### KERAJAAN DAN RAAYAT

SERUAN sudah semakin nyaring supaya pegawai2 dan kakitangan Kerajaan berdamping rapat dengan raayat. Bagaimana pun, tidak-lah seruan itu di-maksudkan sa-bagai menafikan kerjasama antara pehak2 Kerajaan dengan orang ramai sa-lama ini.

Dalam pada itu ada-lah di-sedari betapa raayat sangat menaroh harapan kapada pentadbiran Kerajaan, dan dengan itu sekali gus meletakkan pegawai dan kakitangan Kerajaan di-baris yang paling depan untok melayani dan meledani kehendak raayat. Maka seruan supaya mereka sentiasa berdamping rapat dengan raayat itu hendak-lah di-fahamkan sama dengan apa yang di-titahkan baru2 ini ia-itu supaya pegawai2 Kerajaan "sentiasa bersedia untok di-hubongi oleh raayat yang memerlukan apa2 jua pertolongan kerana Allah." Dan perhubongan kedua pehak itu telah pula diberikan motif keugamaan oleh YAB Pemangku Menteri Besar sewaktu berkhutbah baru2 ini. Kita perchaya, menjalankan tugas kerajaan terhadap orang ramai dengan motif keugamaan itu boleh menelorkan kerjasama yang lebeh rapat antara kedua pehak di-mana masing2 pehak di-ikat oleh kepentingan serta tujuan bersama ia-itu kebajikan yang di-redhai Allah.

# HUBONGAN DUA HALA K'JAAN DAN RAAYAT MENCHAPAI KEJAYAAN

BERIKUT ia-lah uchapan Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman ketika merasmikan Mashuarat Agong Sharikat Kerjasama Bersatu Panchor Murai, Imang dan Batong, di-Dewan Sekolah Melayu Panchor Murai pada hari Jumaat 4hb September, 1981.

**"Tidak-lah patut jika ada siapa2 di-negeri ini menyalah ertikan usaha2 Kerajaan dlm memahamkan raayat dan orang ramai mengenai kemajuan2 yg di-chapai. Usaha2 itu bukan-lah propaganda yang mana Kerajaan sendiri menyedari kita di-negeri ini tidak akan kenyang dgn "memakan" propaganda, dan K'jaan sa-takat ini tidak pernah chuba menjadikan propaganda sa-bagai bahan hidangan raayat."**

SESUNGGOH-nya kampong ini dan sekitar-nya ia-lah di-antara kampong2 di-ulu Sungai Brunei yang chepat membangun. Projek2 kemajuan untok pendudok2 di-sini saperti sekolah, jalan kechil, parit dan tali ayer, bekalan api letrik dan ayer, telah benar2 mendatangkan faedah dan telah di-nekmati sa-penoh-nya dan dengan sebaik-nya oleh pendudok2.

Tuan2 sendiri lebeh arif betapa beberapa orang anak2 kampong ini telah berjaya mendapat pelajaran tinggi di-luar negeri yang mana mereka itu menerima pendidekan awal di-sekolah kampong ini. Dan saya mendapat faham pada masa ini ada ramai lagi anak2 sekolah dari kampong ini bersekolah menengah di-ibu negeri dan ada lagi yang sedang melanjutkan pelajaran di-seberang laut. Tentu-lah hal ini menandakan suatu penchapaian kemajuan melalui ranchangan2 pembangunan sosial (kemasharakatan). Yang nyata-nya, tuan2 pun tentu menyedari bahawa penchapaian tersebut tentu tidak mungkin sa-kira-nya tuan2 sa-bagai pendudok di-sini tidak bekerjasama menjayakan ranchangan2 itu sa-chara mempergunakan-nya dengan sebaik2-nya.

### RAHSIA

Tambahan kapada itu tuan2 patut pula memahamkan bahawa kemajuan yang di-chapai oleh kampong ini dan kampong2 lain di-seluroh negeri ada-lah berkat keadaan dan suasana negeri kita yang aman dan dengan sebab kita mempunyai Kerajaan yang memberi perhatian berat dalam hal2 memperbaiki taraf hidup raayat-nya. Sementara itu raayat pula ternyata telah memberi keperchayaan kapada Kerajaan dengan anggapan Kerajaan tidak akan mensia-siakan mereka atau pun memperdayakan mereka.

INI-lah rahsia kejayaan kita di-negeri ini. Orang lain dan setengah2 orang kita ada yang tidak menerima hakikat bahawa kita ia-itu raayat dan Kerajaan di-negeri ini saling bekerjasama dan bersefahaman. Hubongan2 dua hala antara raayat dan Kerajaan — dalam bentok-nya yang unik menurut chara dan pengalaman kita orang2 Brunei sendiri — telah terbokti berjaya memantapkan suasana negeri. Dan kemantapan yang kita nekmati setakat ini sahaja boleh di-katakan tidak mudah akan di-nekmati oleh orang2 lain yang negeri mereka sering2 kechoh dengan berbagai2 masaalah dalam dan luar negeri.

DALAM pada itu kita bukan tidak menyedari bahawa perkembangan2 di-masa depan ada-lah sangat menchabar. Kerana itu kita berazam — dan azam kita itu perlu kuat untok menghadapi chabaran masa depan itu dengan meneruskan serta mengembangkan dasar2 yang ternyata berjasa dalam memantapkan suasana negeri selama ini.

### MENCHABAR

Tegas-nya: Kita bertanggong-jawab meneruskan dan mengembangkan kemajuan yang sudah di-chapai pada masa ini dengan meyakini dasar2 yang membolehkan penchapaian-nya itu termasok-lah meyakini Kerajaan ia-itu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang mana dengan kebijaksanaan pimpinan Baginda dan usaha2 Kerajaan Baginda, negeri kita semakin pesat membangun dengan raayat serta pendudok semakin berkesedaran untok memperoleh faedah2 dari pembangunan yang pesat itu.

### HARAPAN

DALAM hubongan raayat semakin berkesedaran itu maka saya perchaya tuan2 ahli Sharikat Kerjasama ini tentu-lah menghasratkan-nya sebagai sabahagian usaha pada memperoleh faedah2 dari kemajuan yang di-ranchangkan oleh Kerajaan di-segi pembangunan ekonomi dan sosial raayat terutama sekali yang di-luar2 bandar. Dengan itu saya turut menaroh harapan yang tuan2 akan memajukan Sharikat Kerjasama ini sebagaimana jua tuan2 akan terus meningkatkan lagi kemajuan2 di-lain2 bidang.

DALAM uchapan yang rengkas ini saya sebenar-nya bermaksud menekankan tentang faedah2 dari ranchangan pembangunan dan kemajuan yang sedang di-nekmati hasil-nya oleh raayat. Tetapi tuan2 hendak-nya tidak menganggap saya ini menyebut2 perkara itu dengan tujuan mengelirukan perhatian raayat sedang ada beberapa masaalah dan persoalan lain mengenai masa depan negeri ini sengaja di-senyapkan.

Pada hemat saya, sebilangan terbesar raayat dan pendudok negeri kita ini lebeh mengambil berat soal2 ranchangan kemajuan sosial dan ekonomi yang bersangkutan langsong dengan kehidupan harian mereka. Bokti-nya ia-lah tuan2 sendiri di-kampong ini dan kampong2 sekitar-nya — yang mana, dalam tempoh hampir 20 tahun semenjak tahun 1962, tuan2 telah tidak mengindahkan persoalan2 atau issue negeri dan raayat dari segi politik-nya yang di-sifatkan menyangkut masa depan itu, tetapi tuan2 sangat berhasrat dan berkemahuan dalam hal2 memperbaiki taraf hidup melalui penchapaian pelajaran dan dengan bekerja keras mendokong ranchangan2 pembangunan.

### PROPAGANDA

Tegas-nya tuan2 lebeh mengambil berat tentang kehidupan sehari2. Dan sikap itu tepat dan betul manakala hasil-nya sudah nyata di-mana tuan2 dan kampong tuan2 ini menekmati faedah2 pembangunan yang antara chontoh-nya telah saya sebutkan tadi.

Jadi, tidak-lah patut jika ada siapa2 di-negeri ini menyalah ertikan usaha2 Kerajaan dalam memahamkan raayat dan orang ramai mengenai kemajuan yang di-chapai. Usaha2 itu bukan-lah propaganda yang mana Kerajaan sendiri menyedari kita di-negeri ini tidak akan kenyang dengan 'memakan' propaganda, dan Kerajaan sa-takat ini tidak pernah chuba menjadikan propaganda sebagai bahan hidangan raayat.

Kerana itu, saya perchaya kita akan sedar betapa tepat dan bijak-nya kita lebeh banyak berchakap, berfikir dan bertindak dalam perkara2 yang kita tahu faedah-nya langsong menyangkut kehidupan kita sehari2 dan chuma mengagak-agak dan membuat berbagai sangkaan serta telahan terhadap sesuatu yang kita sebenar-nya tidak berupaya menentukan ketetapan-nya.




# PERADUAN PERMAINAN L-LINTAS SHELL

TUTONG.— Sekolah Persediaan Inggeris Abdul Rashid Tanjong Maya dan Sekolah Persediaan Inggeris Battalion Kedua Tutong telah menyandang sabagai johan dan naib johan dalam peraduan permainan lalu-lintas Shell, bagi sekolah2 di-Daerah Tutong. Sekolah2 tersebut akan mewakili daerah tersebut ka-peraduan perengkat sa-negeri yang akan di-adakan di-ibu negeri.

Sa-banyak enam buah sekolah telah mengambil bahagian dalam peraduan yang di-anjorkan oleh pehak Sharikat Minyak Shell Brunei dan Jabatan Pelajaran itu.

Peraduan itu di-anjorkan ada-lah untok memupok kesedaran mengenai keselamatan jalanraya dikalangan para penuntut. Peraduan itu juga ada-lah sa-bahagian dari achara sambutan sempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke-35 tahun.

**DALAM gambar bawah kelihatan Kapsul keselamatan ketika di-uji di-Sungai Belait.**

**Sharikat Minyak Shell Brunei sudah pun mendapatkan empat buah pertama Kapsul ini, dan ia-nya di-chadangkan akan di-pasang di-kesemua steshen2 luar pantai dalam usaha untok menambahkan skop keselamatan di-bahagian2 luar pantai.**

**Kapsul empat yang pertama itu akan di-pasang di-kompleks Champion 7.**

**Sunggoh pun terdapat arus yang deras semasa ujian bergerak di-Sungai Belait itu, namun Kapsul keselamatan itu dapat membuat perjalanan yang berjaya. Semua alat2 dalam-nya di-uji termasok sistem pertahanan kebakaran-nya yang boleh bergerak melalui kebakaran, dan di-dapati dalam keadaan yang memuaskan.**



## Seminar ternakan kerbau

…NAUT, TUTONG. — …u seminar mengenai …geluaran kerbau di…eri ini telah di-adakan …Pusat Latehan Pertani…Sinaut sini minggu la…la-nya telah di…hiri oleh 30 orang pe…a dari jabatan2 kera…

…Seminar yang di-anjor…n oleh Sharikat Minyak Shell Brunei itu ada-lah sa-bagai sumbangan kaarah menjayakan pusat tersebut.

Beberapa kertas kerja berhubong dengan ternakan telah di-kemukakan dalam seminar itu bagi membuka ladang, membaiki mutu ternakan dan menambah bilangan kerbau di-negeri ini.

## Jeket pertama

SERIA. — Jeket pertama dari Korea telah berjaya di-lancharkan pada 21hb. Ogos yang lalu di-Padang Champion. Ini menandakan satu lagi perengkat kemajuan dalam ranchangan projek Champion 7, dan jeket ini merupakan benaan yang pertama bagi Sharikat Minyak Shell Brunei dari Korea Selatan.

Sementara jeket kedua telah tiba pada 25hb. Ogos dan telah di-lancharkan pada minggu pertama September ini.

## Kursus untok penjalan

…RIA. — Sa-ramai 12 …ng penjalan2 penge…an dari Jabatan Peng…ilan pada masa ini se…g mengikuti kursus sa…a tiga bulan di-Pusat …ehan Teknikal.

Tujoh daripada-nya telah menamatkan latehan teknikal sa-lama dua tahun sementara yang lima orang lagi sedang bekerja dengan Jabatan Penghasilan sejak dua tahun lalu.

Semasa berkursus para peserta belajar chara2 penghasilan yang selamat dan membuat kerja2 amali ka-atas kepala telaga penghasilan di-pusat latehan tersebut.



**…OLONG Pegawai Daerah Belait, Awang Kassim bin Haji …n melepaskan belon sa-bagai menandakan perasmian Pesta …i di-Pantai Lumut, sementara gambar bawah kelihatan …h satu peraduan yang di-adakan di-pesta itu.**



# Isikan era kemerdekaan dengan semangat keBruneian

LUMUT. — Sa-bagai raayat yang berlindong dibawah panji2 kedaulatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, kita mempunyai peranan dan tanggong-jawab yang sama untok menegakkan kedaulatan itu terutama dalam memasoki era kemerdekaan akhir tahun 1983 nanti.

Demikian di-tegaskan oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, Awg. Kassim bin Hj. Johan.

Awg. Kassim berkata, dalam kita menunggu kedatangan era kemerdekaan itu, raayat dan penduduk negeri ini patut membulatkan tekad dan azam dari sekarang di-samping mengukohkan lagi taat setia kita kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda.

### PURIH BRUNEI

Beruchap merasmikan Pesta Tamu, bersempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang di-adakan di-Pantai Lumut pada 6hb. September yang lalu, Awg. Kassim menegaskan: "Sama2-lah kita isikan kemerdekaan itu dengan semangat purih Brunei yang pantang menderhaka kapada raja dan pembesar-pembesar negara-nya," seru Awang Kassim.

Kerana, kata-nya, tugas kita sa-bagai raayat ia-lah 'mengisi dan melengkapkan' kemerdekaan. Tetapi bagi menjaga dan menjamin kemerdekaan itu, semua pehak telah di-seru terutama pegawai2 dan kakitangan kerajaan supaya menjunjong tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-Lapau baru2 ini, yang menekankan mereka sa-bagai jentera2 kerajaan yang chergas, dedikasi lagi amanah dalam menjalankan tugas2 mereka.

Terdahulu dari itu, beliau juga menyeru ibu bapa supaya tidak mengabaikan pelajaran ugama anak2 mereka.

"Menyedari betapa penting-nya manusia itu mempunyai pegangan hidup yang sempurna, maka ada-lah wajib bagi ibu bapa memberikan pelajaran ugama kapada anak2 mereka," tegas-nya.

Menurut Awang Kassim, hanya dengan berpendidekan ugama sahaja kita akan dapat membentok jenerasi hari esok sabagai pemimpin2 dan pewaris2 watan yang baik.

Di-samping itu, katanya, ibu bapa juga wajib menanamkan semangat chintakan negara, raja, bangsa dan ugama-nya kapada anak2 mereka. Kerana dengan bersemangat sa-demikian, anak2 yang akan mengganti jenerasi hari ini, terang beliau, tidak lagi sukar di-pimpin sa-bagai masharakat yang bertanggong-jawab terhadap kedaulatan negara dimasa akan datang.

Turut juga beruchap dipesta tamu hari itu ia-lah Pengerusi Sambutan, Awg. Tuah bin OKMD Haji Saman.

### ACHARA TRADISI

Pantai Peranginan Lumut hari itu telah di-banjiri oleh ribuan orang ramai yang berkunjong menyaksikan berbagai2 achara peraduan dan persembahan kebudayaan dan kesenian. Memang telah menjadi suatu tradisi dalam sambutan2 hari perayaan sa-umpama ini persembahan2 kebudayaan tradisional saperti Alai Bubu, Tarian Asli Brunei, pertandingan silat dan kuntau, permainan gasing, main kikik termasok telesokan tidak ketinggalan di-pertunjokkan.

Ada-lah di-harapkan Pesta Tamu yang di-adakan itu, tidak hanya akan jadi hiboran orang ramai sa-mata2 tetapi yang lebeh di-harapkan pesta ini akan di-jadikan salah satu saloran yang sehat untok orang ramai menghayati kebudayaan bangsa-nya sendiri memandangkan satiap pesta yang di-anjorkan baik di-tepi pantai atau di-darat, ia-nya tidak lekang dari mendapat sambutan hangat dari semua lapisan masharakat.

# YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.......



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

# GERAKAN MENGHAPUSKAN ISLAM (IV)

## Siri ke-96

### Kegiatan Missionary

MISSION dan pehak Keristian telah membuat ranchangan sa-chara ilmiah bagaimana hendak menaalok dan mengkeristiankan alam ini. Pop sa-laku Ketua Besar gereja2 Katholik di-Rome telah melakukan beberapa lawatan ka-berbagai-bagai tempat di-dunia ini. Dia melawat banyak negeri. Ini-lah langkah kali yang pertama yang pernah di-lakukan oleh sa-orang pop, kemudian dia berusaha membuat penyelarasan untok tujuan perdamaian di-antara berbagai-bagai gereja, dan bagi kali yang pertama juga telah di-ator perjumpaan di-antara pop dan orang2 Qibti Keristian Mesir bagi menyatukan gereja Katholik dan gereja2 orang2 Qibti sa-telah kedua pehak berpisah sa-lama 16 kurun.

Di-waktu akhir2 ini pop telah membuat perhubongan baik dengan kerajaan Soviet Russia, dengan tujuan hendak menawan Timor Eropah supaya menganut ugama Keristian. Usaha ini telah di-buat semenjak sa-puloh tahun yang lalu, dengan memileh Hungry sa-bagai tempat permulaan-nya. Pop telah menghantar padri2 ka-sana dan membukakan peluang untok penuntut2 Hungry memasoki sekolah2 padri di-Rome.

Ada pun di-antara usaha2 mission dan pengembang Keristian melawan Islam ada-lah saperti berikut :

1. Mereka mengeluarkan filem2 wayang gambar, dan filem2 talivishen yang berunsor Keristian, segala filem itu di-hantarkan ka-setiap pelusok dunia.

2. Mereka mendirikan steshen2 radio berunsor Keristian yang di-tujukan kapada semua pehak di-dunia. Mereka menggunakan pertutoran dalam bahasa tempatan dan bahasa dunia saperti bahasa Inggeris, salah satu dari steshen itu bernama suara Injil dalam bahasa Arab.

3. Mereka menerbitkan majallah2 yang antara isi kandongan-nya menghubongkan masaalah2 Nasrani dengan dunia sekarang, dan dengan kebudayaan barat, juga hubongan Nasrani dengan alam2 yang baharu2 atau penemuan2 dan pendapat2 baharu lalu segala buku2 dan majallah2 itu di-hantarkan melalui pusat sa-chara perchuma ka-serata cherok dunia ini.

4. Mereka sentiasa berusaha membangunkan hospital2 dan kelinik2, rumah2 anak yatim, sekolah2 mission dan lain2, kadang2 juga mereka menjadi orang kuat di-belakang terdirinya sa-sebuah Universiti.

5. Mereka mengambil anak2 muda Islam, lalu di-jadikan anak angkat. Mereka mengajar anak2 muda Islam itu dan memberi degree2 yang tinggi serta pangkat yang baik, dengan tujuan apabila mereka balek ka-negeri masing2 mereka akan di-beri jawatan2 dan tempat2 yang berkesan atau berpengaroh bagi meneruskan maslahat yang tersembunyi itu.

6. Menggunakan orang2 mushtashrikin (orientalis dan pengkaji2 perkara kebudayaan Timor) untok kepentingan Keristian yang mana orang Keristian itu sa-benar-nya banyak mengetahui kedudokan orang Islam dan ugama yang suchi itu.

7. Menggunakan orang yang pakar, jurutera2 dan doktor2 sa-bagai guru2 bahasa berkhidmat dalam perkara pelajaran, pendidekan dan membesarkan lagi ugama Keristian itu melalui profession mereka. Sa-lain dari itu banyak lagi sa-benar-nya chara2 yang mereka lakukan dalam menyebarkan ugama Keristian.

Bagi melawan mission dan pengembang Keristian itu maka perkara di-bawah ini perlu-lah di-ambil perhatian : —

1. Ada-lah perlu bagi orang2 Islam menubohkan satu pusat bagi mengikuri usaha2 mission itu dan mengatorkan langkah untok menentang-nya sementara belanja bagi pusat itu boleh-lah di-ambil dari tabong Al-Amal Al-Islami (yang di-ura2kan).

2. Berusaha pada menahan usaha2 mission dalam alam Islam dan mengawal sa-penoh2-nya akan gerakan pertubohan2 dan badan2 mission itu.

3. Mendirikan steshen2 radio yang kuat menyiarkan ranchangan2 Islam dalam berbagai-bagai bahasa sa-belum itu hendak-lah ranchangan2 itu di-kaji dan di-susun dengan teliti lebeh dahulu. Ada-lah di-harapkan supaya kerajaan Saudi Arabia, sa-bagai pusat Islam berupaya mendirikan sa-buah steshen yang khas untok tujuan dakwah Islam dan melawan gerakan2 yang chuba menjahanamkan Islam. Steshen itu pula di-jaga dan di-kendalikan oleh pertubohan (Rabitah Alam Islam) di-Mekah Al-Mukaramah.

4. Hendak-lah pertubohan2 Islam menulis penyata dari masa ka-semasa yang tertentu akan usaha2 mission Keristian itu. Butir2 keterangan yang di-maksudkan biar-lah terang sa-bagai kawasan untok bertindak.

5. Menegah filem2, majallah2, siaran2, kitab2, dan segala bahan2 chetakan dan rekod2 yang mengandongi unsor atau tujuan untok menyebarkan ajaran Keristian dan Nasrani itu dari masok ka-dalam negeri2 Islam.

6. Menchetak kitab2 Islam dalam berbagai-bagai bahasa dengan tujuan bagi menolak dan mendedahkan segala bentok pendustaan orang2 missionary dan pengembang2 ugama Keristian dan Nasrani itu terhadap Islam, orang2 Islam dan juga bagi menolak fikiran dan pandangan puak2 yang sesat dan kafir. Telah di-terangkan bahawa ada hubongan di-antara penjajahan dan mission dalam perkembangan ugama Keristian. Pehak penjajah telah memberi kemudahan kapada orang2 Islam untok membeli dan membacha kitab2 yang ada unsor2 Keristian itu.

7. Menggunakan kekuatan ekonomi yang ada dalam alam Islam, ia-itu tiada-lah di-beri sebarang bantuan kapada sebarang kerajaan yang membenarkan mission menjalankan jarum-nya atau membenarkan musoh2 Islam memerangi usaha2 orang Islam pada menegakkan shiar ugama Allah itu.

8. Hendak-lah di-tapis dan di-siasat bahawa sebarang orang yang bukan Islam yang mengikat perjanjian atau kontrek dalam negeri Islam mesti-lah tidak mempunyai hubongan dengan sebarang pertubohan pengembang ajaran Keristian.

9. Menegah orang2 orientalis dan pengkaji kebudayaan timor dari mengambara dalam tujuan menchari rahsia umat Islam.

*WALLAHU A'ALAM.*

(Bersambong)

# Sewa naik berlipat ganda

Ada-lah di-maalumkan kapada bakal2 haji pada tahun ini bahawa Pegawai2 Perhubongan Haji Brunei yang sekarang berada di-Mekkah telah melaporkan bahawa beberapa kawasan yang berdekatan dengan tempat melontar di-Mina telah terlibat dalam ranchangan pembangunan saperti pembenaan dan pembesaran jalan raya, dan beberapa kawasan yang dahulunya di-jadikan tempat tinggal telah tidak dapat di-gunakan lagi.

Kawasan2 yang berdekatan dengan tempat melontar di-Mina yang tidak terlibat dalam ranchangan pembangunan di-dapati harga sewa-nya telah naik berlipat ganda dan menjadi rebutan kapada Sheikh2 Haji.

Di-samping itu sewa rumah di-Madinah yang di-tawarkan oleh Sheikh Haji ia-itu Sheikh Abd. Aziz Tayar yang biasa di-gunakan ada-lah naik sa-hingga 60 peratus dari sewa tahun yang lalu, itu pun pehak-nya hanya dapat menyediakan tempat tinggal bagi kira2 900 orang saja. Dalam pada itu sa-orang Sheikh yang bernama Sheikh Mohsen Kurdi Wal-Alami di-Madinah telah menawarkan sewa rumah di-Madinah saperti jumlah peruntokkan wang draft bakal2 haji, dan kedudokan rumah2 itu kira2 antara 8 hingga 15 minit berjalan kaki ka-Masjid.

Berdasarkan maalumat2 di-atas Jemaah Penasehat Haji yang bersidang pada 11hb. September 1981 telah membuat keputusan saperti berikut: —

i) Mana2 bakal haji yang di-tempatkan oleh Sheikh mereka di-kawasan yang berdekatan dengan tempat melontar di-Mina hendak-lah menyediakan wang tambahan bagi membayar sewa tempat tinggal di-Mina kira2 $150.00 wang Brunei bagi tiap2 sa-orang;

ii) Mana2 bakal haji yang di-tempatkan oleh Sheikh mereka jauh-nya kira2 2½ batu dari tempat melontar mungkin tidak akan di-kehendaki membayar wang tambahan;

iii) Sheikh bagi bakal2 haji Brunei sa-masa di-Madinah pada tahun ini ada-lah di-tetapkan ia-itu Sheikh Mohsen Kurdi Wal-Alami dengan tidak di-kenakan bayaran tambahan sewa rumah. Dalam pada itu mana2 bakal haji yang ingin hendak memileh Sheikh Abd. Aziz Tayar hendak-lah melaporkan-nya kapada Ketua Pegawai Perhubongan Haji dalam penerbangan masing2 dan hendak-lah menjelaskan wang tambahan sewa rumah sa-banyak 240 Rial bagi tiap2 sa-orang.

# TEGAKKAN AMAR MA'ARUF DAN NAHI MUNKAR UTK UJUDKAN NEGARA YG DI-REDHAI ALLAH

MARI-LAH kita sama2 bertakwa kapada Allah dengan sebenar2-nya dengan mengerjakan segala surohan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Dan mari-lah pula kita tegakkan amar ma'aruf dan nahi munkar di-dalam masharakat di-negara kita bagi mempastikan ujud-nya negara yang sentiasa aman makmor lagi di-redhai oleh Allah s.w.t., dan berbahagia hidup raayat-nya di-dunia dan di-akhirat.

Di-riwayatkan oleh Saidatuna Aishah r.a.: Pada suatu ketika Rasulullah s.a.w., masok ka-rumah dengan wajah yang mashgol, tiada berkata apa2. Baginda terus mengambil wudhu' lalu naik ka-mimbar, menguchapkan puji2-an kapada Allah lalu bersabda yang kira2 bermaksud:

## BERBUAT BAIK

*"Wahai manusia sesunggoh-nya Allah berfirman kapada kamu: Lakukan-lah oleh kamu pada menyuroh berbuat kebaikan dan pada melarang berbuat kejahatan sabelum satu saat di-mana apabila kamu berdoa tiada Aku makbolkan, dan apabila kamu minta sesuatu tiada Aku perkenankan, dan apabila kamu memohon pertolongan tiada Aku tolong."*

Apabila umat Islam melalaikan tugas menyuroh berbuat kebaikan dan melarang berbuat kejahatan, maka jelas-lah dari hadith tadi bahawa pintu doa jadi tertutop. Sa-kali pun kebanyakan orang yang baik2, orang yang mengerjakan amal ibadat, sembahyang, puasa, zakat dan haji tetapi andai-nya sa-tiap orang yang mengetahui itu menutop mata dan telinga-nya dari sa-tiap kejahatan dan kemunkaran serta kezaliman yang berlaku di-kalangan masharakat, sudah pasti-lah masharakat itu akhir-nya akan rosak dan binasa.

## DI-BIARKAN

Sesuatu munkar atau kejahatan yang berlaku dalam masharakat sama-lah saperti munchol-nya penyakit ta'un yang amat merbahaya. Jikalau penyakit ta'un itu di-biarkan begitu sahaja tanpa di-chegah dari awal2 lagi sudah pasti-lah ia-nya akan menular dan membinasakan lebeh ramai orang, sa-bagaimana yang pernah berlaku di-negeri ini yang di-kenali dengan zaman "ketumbohan" dahulu, di-mana orang2 yang mengubor pada hari ini akan di-kubor pada esok hari di-sebabkan jangkitan penyakit tersebut. Begitu-lah juga hal-nya jika sesuatu kemunkaran atau kejahatan berlaku dalam masharakat yang tiada di-chegah dari awal2 lagi, pasti sedikit demi sedikit akan merosakkan dan membahayakan kedudokan masharakat itu.

Rasulullah s.a.w., pernah mengibaratkan umat yang kehilangan keperibadian yakni umat yang tiada berusaha membenteras kejahatan dalam masharakat itu sa-bagai umat yang telah mati. Baginda pernah menegaskan bahawa: Apabila umat-nya pada suatu ketika sudah takut2 menegor sa-seorang zalim atas kezaliman-nya, maka sabda Baginda: "Uchapkan selamat tinggal atau 'good bye' kapada mereka."



*"Apabila umat ku enggan berkata kapada orang yang berbuat zalim itu dengan perkataan wahai orang zalim maka uchapkan-lah selamat tinggal kapada mereka."*

## RANGKAIAN

Umat yang sa-demikian sa-benar-nya sudah tidak masok bilangan dalam rangkaian kehidupan masharakat. Masok-nya tiada menggenapkan, keluar-nya tiada mengurangkan. Paling banyak boleh menjadi objek permainan orang. Umat Islam yang mendapat penghormatan daripada Allah Taala sa-bagai umat yang sebaik2-nya di-atas muka bumi ini sa-benar-nya ada-lah umat yang sentiasa hidup jiwa-nya, tahu menyuroh berbuat baik dan mempunyai kesedaran penoh untok membenteras sa-tiap munkar atau kejahatan.

Dalam pada itu perlu-lah di-sedari bahawa bukan-lah tiap2 tegoran itu harus di-ertikan sa-bagai suatu tanda kebenchian atau permusohan terhadap peribadi sa-seorang yang melakukan kesalahan itu sendiri. Tidak harus di-ertikan demikian. Malah-an titik tolak kita sa-bagai orang Islam dalam melakukan tugas amar maaruf dan nahi munkar itu ada-lah rasa kaseh sayang bukan rasa benchi. Ini mungkin di-anggap ganjil bagi sa-tengah orang. Tetapi begitu-lah sebenar-nya di-kehendaki oleh Islam sa-bagaimana pesanan Rasulullah s.a.w., yang bermaksud kira2: *"Tolong-lah saudara mu dalam keadaan dia berbuat zalim atau keadaan dia di-zalimi."*

## TERGERAK HATI

Memang-lah orang yang terkena zalim itu sudah tergerak hati untok memberi pertolongan kapada-nya. Tetapi bagaimana pula kita menolong orang yang zalim? Bukan-kah dia binasa lebeh baik? Bukan begitu tuan2, orang yang zalim itu juga ada-lah saudara kita, saudara sa-ugama. Bila kita biarkan saja sudah pasti dia akan terus merosak dan dia sendiri pula pasti rosak. Usahakan-lah supaya dia menghentikan perbuatan zalim-nya itu. Dengan begitu kita menolong dia terhindar dari kerosakkan dan kehanchoran sa-bagai akibat dari kehanchoran-nya sendiri.

Begitu-lah hendak-nya sikap kita sa-bagai umat Islam. Yang menegor dan membenteras dengan niat yang ikhlas untok membetulkan keadaan, sedang yang terkena tegor harus-lah menerima tegoran2 itu dengan dada terbuka dan rasa shukor kerana ada pehak yang sudi membetulkan keadaan-nya. Dengan demikian pasti-lah akan terjamin ujud-nya kebaikan, keadilan, dan kebenaran dalam masharakat yang pasti selamat dari segala macham bala benchana di-dunia dan di-akhirat.

# 73 orang terima kornia tambang haji dari D.Y.M.M.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan mengorniakan tambang untok menunaikan fardhu haji kapada sa-ramai 73 orang bagi musim haji tahun ini.

Mereka yang di-korniakan tambang itu temasok-lah beberapa orang pegawai dan kaki-tangan Kerajaan dan beberapa orang saudara baru Islam (Muallaf).

# Amalan menentukan iman

**O Bingkisan minggu ini**

KEBANGKITAN junjongan besar kita Nabi Muhammad s.a.w., ada-lah suatu titek yang memisahkan manusia daripada alam kegelapan kapada alam yang terang benderang. Baginda menukarkan peratoran dan undang2 yang lama (chiptaan manusia) kapada undang2 chiptaan Ilahi yang termaktub di-dalam Al-Kor'an — kitab suchi umat Islam.

Ugama Islam ada-lah satu2-nya ugama yang di-redhai oleh Allah, kerana itu-lah kita wajib menurut dan mengikuti segala apa jua pengajaran yang di-sampaikan oleh Rasulullah s.a.w., dengan tidak menambah atau mengurangi-nya, kerana sa-tiap penyelewengan bererti kesesatan dan kekufuran, sa-bagaimana firman Allah dalam Surah An-Nisa' ayat 136, yang bermaksud kira2: *"Wahai orang2 yang beriman, per chaya-lah akan Allah dan Rasul-Nya dan Al-Kor'an yang di-turunkan kapada Rasul-Nya (Muhammad) dan Kitab yang di-turunkan pada masa dahulu, barang siapa kufur kapada Allah, sekalian malaikat2-Nya, kitab2-Nya, rasul2 Nya dan hari yang kemudian, sa-sunggoh-nya ia telah sesat sa-bagai sesat yang amat jauh."*

## MELURUSKAN AKIDAH

Kerana itu-lah Ugama Islam menekankan kapada penganut2-nya supaya meluruskan akidah atau keperchayaan kapada Allah s.w.t., dengan bersandarkan ajaran2 yang terkandong di-dalam Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya — bukan berasaskan kapada pelajaran2 atau pengetahuan2 yang di-perolehi dari sumber2 atau puncha2 yang di-ragui kebenaran-nya, atau di-pelajari dari orang2 yang chetek pengetahuan ugama-nya.

## MENYELEWENG

Orang yang memberikan panduan atau pengajaran yang menyeleweng itu pula bukan-lah dari orang yang beriman dan orang2 yang sa-macham itu-lah orang2 yang sesat dan akan di-perhitongkan oleh Allah di-hari kemudian, sa-bagaimana firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 85, yang kira2 bermaksud: *"Apakah kamu perchaya kapada sa-bahagian daripada kitab Allah, kamu ingkar yang lain-nya, maka tidak-lah balasan orang yang memperbuat demikian, melainkan kehinaan di-atas dunia ini, dan pada hari kiamat nanti mereka di-masokkan ka-dalam seksaan yang amat sangat dan Allah tidak-lah lalai dengan apa yang kamu kerjakan."*

Begitu-lah betapa penting-nya iman di-sisi Allah, yang dengan-nya juga ada-lah asas bagi penerimaan segala amalan yang kita lakukan. Sebab itu jangan-lah kita pandai2 mengubah atau meminda2 akan ketetapan yang telah di-tentukan oleh Allah dan di-shariatkan oleh Rasulullah s.a.w., baik pemindaan itu di-lakukan di-dalam Rukun2 Iman mahu pun Rukun Islam.

## MENGANJORKAN

Kerana itu-lah Ugama Islam sangat2 menganjorkan penganut2-nya supaya berwaspada dalam mengambil tindakan atau pun menerima sa-suatu yang di-rasakan ada terdapat perkara yang was2 di-dalam-nya. Jika terdapat sa-demikian hendak-lah kita berbalik kapada Al-Kor'an dan Sunnah Rasul, sa-bagaimana firman Allah dalam Surah An-Nisa' ayat 59, yang kira2 bermaksud: *"Hai orang2 yang beriman! Taat-lah kapada Allah dan taat-lah kapada Rasul-Nya, begitu juga kapada orang2 yang memerintah di-kalangan kamu. Jika kamu berbantah-bantahan dalam suatu perkara hendak-lah kamu kembali kapada kitab Allah dan Rasul-Nya, jika kamu beriman dengan Allah dan hari Kiamat. Yang demikian itu lebeh baik dan yang sebaik2 jalan."*

Oleh yang demikian dapat-lah di-fahamkan bahawa amalan itu tidak akan sempurna jika terdapat di-dalam-nya perkara2 yang bertentangan dengan kehendak iman yang sa-benar, yang telah di-tentukan oleh Allah dan Rasul-Nya. Dari itu, jangan-lah kita membuat sasuatu amalan yang meragukan keimanan kita, jika kita lakukan juga bererti akan sia2-lah sahaja amalan yang di-lakukan sabelum-nya, dan ini akan menempatkan sa-seorang itu di-tempat orang2 yang rugi di-sisi Allah.

# Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 16hb September, 1981 hingga ka-hari Selasa 22hb September, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 16hb Sept | 12.21 | 3.37 | 6.25 | 7.38 | 4.39 | 4.54 | 6.10 |
| 17hb Sept | 12.21 | 3.37 | 6.25 | 7.38 | 4.39 | 4.54 | 6.10 |
| 18hb Sept | 12.21 | 3.37 | 6.25 | 7.38 | 4.39 | 4.54 | 6.10 |
| 19hb Sept | 12.21 | 3.37 | 6.25 | 7.38 | 4.39 | 4.54 | 6.10 |
| 20hb Sept | 12.21 | 3.37 | 6.25 | 7.38 | 4.39 | 4.54 | 6.10 |
| 21hb Sept | 12.19 | 3.36 | 6.23 | 7.35 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 22hb Sept | 12.19 | 3.36 | 6.23 | 7.35 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# Pembesar suara untok surau Kg. Belimbing

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sharikat Bawai Enterprise telah menghadiahkan satu set alat pembesar suara kapada surau Kampong Belimbing di-Daerah Brunei-Muara.

Alat2 pembesar suara itu telah di-serahkan oleh pengurus sharikat berkenaan Awang Bawai bin Munjil kapada Awang Khamis bin Haji Mail, sa-orang ahli jawatankuasa surau, di-pejabat sharikat tersebut di-sini pada hari Rabu 9hb September lepas.

# LIPUTAN SIARAN LANGSONG JEMAAH2 HAJI

MUSIM haji menjelang lagi. Perhatian pendengar kita sekarang tertumpu sekali lagi ka-Mekah. Dan dalam sa-minggu ini Bahagian Melayu Radio Brunei mengatorkan achara2 siaran-nya meliputi beberapa siaran langsong dari Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas, tempat bertolak naik pesawat2 terbang sewa khas untok membawa para jemaah haji Brunei ka-Tanah Suchi Mekah.

Ini-lah bagi tahun ketiga-nya Radio Brunei membuat siaran langsong atas penerbangan2 para jemaah haji kita ka-Mekah. Ternyata siaran terus menerus yang di-perkenalkan oleh Radio ini mendapat sambutan dan banyak faedah-nya kapada para pendengar terutama kapada kaum keluarga dan saudara mara jemaah haji.

Dari pengalaman kita di-tahun2 yang lalu, orang ramai tertarek mengikuti siaran langsong ini bukan saja dengan tujuan hendak mengetahui bila kapal terbang berlepas ka-Mekah tetapi juga hendak mendapat maklumat lebeh jauh sama ada jalan ka-Lapangan Terbang dapat di-lalui lagi, kerana masing2 sudah berpengalaman dengan keadaan manusia sesak dan jeraya penoh dengan kenderaan, yang ada kala-nya orang ramai terpaksa meletakkan kereta berbatu2 jarak-nya dari bangunan 'terminal' lapangan terbang.

Faedah2 yang dapat di-kaut dari siaran langsong penerbangan2 haji ini ia-lah bahawa orang ramai yang tidak berkesempatan menghantar sanak saudara ka-lapangan terbang boleh mengikuti gambaran keadaan sekitar lapangan terbang itu menurut siaran langsong ini kerana para juru-ulas radio memberikan laporan terus menerus kapada para pendengar.

Radio Brunei juga mengatorkan siaran langsong atas penerbangan tiba para jemaah haji kita dari Mekah nanti. Orang ramai memang mengakui betapa penting-nya siaran langsong itu di-buka kerana boleh di-katakan semua kaum keluarga para jemaah haji di-rumah dan di-kampong2 mengharapkan siaran radio untok mengetahui para jemaah haji selamat sampai ka-tanah ayer. Dengan yang demikian achara sambutan di-kampong halaman masing2 dapat di-ator dengan sa-meriah2 yang boleh. Kerana kegembiraan sanak saudara yang menunggu kepulangan para jemaah haji itu bermula dari mereka turun dari tangga pesawat kapal terbang.

Radio Brunei mengharapkan agar segala2-nya berjalan dengan baik.



**RANCHANGAN Kampong Terpuji keluaran minggu ini akan di-isikan dengan Kampong Sengkarai Daerah Tutong. Di-antara kegiatan yang di-lakukan oleh pendudok2 kampong tersebut ia-lah persembahan yang berchorak keugamaan juga menncheritakan serba sedikit kemajuan dan sejarah yang terdapat di-kampong tersebut. Ranchangan ini akan di-siarkan pada hari Ahad 20hb September jam 2.00 petang.**

**Kelihatan dalam gambar atas sa-bahagian pendudok di-temu-ramah mengenai dengan kegiatan yang di-lakukan oleh pendudok tersebut.**

## intisari RTB minggu ini

## RESEPI MASAKAN MINGGU INI

## 'SOTO'

**Bahan2-nya :**

- 1 ekor ayam — lebeh kurang 3 kati
- 1 sudu besar ketumbar
- 1 sudu sedang lada puteh
- 2 sudu teh jintan manis
- 2 sudu teh jintan puteh
- ½″ halia
- 1 batang serai
- 1″ lengkuas
- 3-4 ulas bawang puteh
- 15 ulas bawang merah
- 6 kuntum bunga lawang
- 20 biji buah pelaga
- 1 keping kulit kayu manis
- 10 kuntum bunga chengkeh
- ½ biji kelapa — di-parut dan ambil santan
- ½ chawan lada padi
- garam dan perasa sa-chukop-nya
- ½ kati ubi kentang
- 2 biji telor
- 1 chupak beras
- ½ chawan taugeh — di-bersehkan.

**Chara2 membuat-nya :**

1. Bersehkan ayam dan belah 6.
2. Giling bahan2 ini : ketumbar, lada puteh, jintan manis dan puteh, lengkuas, halia, bawang merah dan puteh.
3. Masokkan ayam, bahan2 bergiling, dua mangkok ayer dan chengkeh, pelaga, kayu manis dan bunga lawang.
4. Masakkan sa-hingga ayam hampir empok. Masokkan santan sa-chukop-nya.
5. Bungkuskan lada padi di-dalam kain yang puteh dan berseh. Masokkan ka-dalam rebosan tadi.
6. Apabila terbit minyak baharu-lah di-keluarkan lada padi tadi. Masokkan ka-dalam mangkok dan hanchorkan.
7. Masakkan beras dengan 4-5 mangkok ayer untok membuat nasi empet. Apabila siap bungkuskan di-dalam kain puteh yang berseh dan di-tindehkan dengan barang yang berat sa-hingga sejok dan keras. Baharu-lah di-potong dadu.
8. Ubi kentang di-rebus. Kupas kulit dan lechekkan, masokkan sedikit bawang goreng dan daun bawang sop serta garam dan gaul rata2. Bentokkan bulat2 dan chelopkan di-dalam telor yang telah di-pukol. Goreng sa-hingga kuning.

**Menghidang soto**

Soto boleh di-hidangkan asing2 atau saperti berikut : —

susun beberapa keping nasi empet 1-2 keping bergedil sedikit taugeh.

# RANCHANGAN TVP DARI 21HB. HINGGA 27HB. SEPT.

### ISNIN — 21HB SEPTEMBER

**PAGI**

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 21
Ranchangan minggu ini akan mengajar murid2 mengenai ukoran dan sukatan, murid2 juga berpeluang melihat jungkat jungkit yang di-gunakan untok membedzakan berat dan rengan. Di-Magic Pool murid2 akan di-ajar beberapa perkara yang bermula dengan huruf 'U'.

9.20 SAINS UNTOK DARJAH 6 (Letrik 2)
Ranchangan ini ada-lah lanjutan kapada ranchangan Letrik 1. Dalam ranchangan yang lalu murid-murid telah belajar mengenai letrik statik dan pada minggu ini murid-murid akan belajar mengenai letrik arus.
Apa-kah perbedzaan di-antara letrik statik dengan letrik arus ?
Apa-kah dia litar letrik ?
Di-mana-kah arus letrik boleh mengalir ? Untok jawapan-nya ikuti-lah ranchangan ini.

10.30 KAP KAP UDANG 438.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti HALAMAN MENYANYI, SI-MANIS, MAIN BAKUL, PEKERJAAN SENDIRI dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 438.

### SELASA — 22HB SEPTEMBER

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 21

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 6 (Letrik 2)

10.30 KAP KAP UDANG 439.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti NAIK KUDA, YANG MANA GANJIL, KATA SI-MANIS, MENYANYI DENGAN GAYA, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.
Ruangan Siri Permulaan Che'gu Rokiah akan bercherita dari hal gigi.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 439.

### RABU — 23HB SEPTEMBER

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 21

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 6 (Letrik 2)

10.30 KAP KAP UDANG 440.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 spperti MAIN BAKUL, GAMGAR DARI RUMAH, PA' LONG, AMINAH, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 440.

### KHAMIS — 24HB SEPTEMBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 441.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, MAIN KIM, AMINAH, MAIN KERUSI, KAJIAN SA-MULA JADI dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 441.

### JUMAAT — 25HB SEPTEMBER

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BERMAIN MUZIK, HALAMAN MENGAJAR, PETI SURAT, MENYANYI DENGAN GAYA, LUKISAN DARI RUMAH dan CHERMIN SAKTI.

### SABTU — 26HB SEPTEMBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 442.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERLAKUN, TEKA BENDA, RUANGAN BINATANG, MAIN BAKUL, DI-MANA TEMPAT-NYA dan CHERMAIN SAKTI.
Ruangan Binatang Che'gu Rokiah akan bercherita dari hal ayam.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 442.

### AHAD — 27HB SEPTEMBER

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BERLAKUN, KERJA TANGAN, SI-MANIS, AMIN, KATA SI-MANIS, MAIN BANG dan CHERMIN SAKTI.
Kerja Tangan Che'gu Rokiah hari ini ia-lah membuat 'Telinga Arnab'.

## 'KEHILANGAN'

### Oleh : S. Rini Bakar

PENULIS S. Rini Bakar dalam tulisan-nya, KEHILANGAN chuba mendedahkan alam fantasi rumah-tangga yang sering bergolak antara kejujoran dan kechurangan antara satu pehak dengan pehak yang lain.

Asmi sa-bagai suami Tinah, chuba2 mempermainkan pentas sandiwara hidup-nya dengan berpoya2 bersama isteri orang (Lucy). Sa-hinggakan dalam permainan hidup Asmi ini, menjadikan keretakan rumah-tangga-nya sendiri. Walau pun kejujoran dan kesetiaan isteri-nya (Tinah) begitu mendalam terhadap suami-nya. Namun sifat berpoya2 suami (Asmi) ini yang selalu balek lewat jauh2 malam, terbokti juga kechurangan-nya.

Sementara Lucy pula telah dapat menambat hati Asmi di-awal pertemuan mereka. Di-mana Lucy juga ada-lah sa-orang isteri yang inginkan kebahagiaan dalam rumah tangga-nya.

Kehidupan Lucy juga di-abaikan oleh suami-nya di-awal2 perkahwinan mereka, sa-hinggakan Lucy sa-bagai menghadapi perkahwinan baru-nya, inginkan kebahagiaan itu, tetapi di-luar dugaan pula yang tiba.

Berjayakan Asmi untok terus memileki Lucy ? Apa pula kesudahan Tinah berserta keluarga-nya ? Dan siapa-kah Kamal ?

Untok mengetahui kesemua kesah2 ini, jangan lupa untok mengikuti siaran-nya yang akan ka-udara pada 20hb September, 1981 hari Ahad, jam 12.00 tengah hari. Penerbit Emran Md Yussof.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 16HB. SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE NATURE OF THINGS
5.30 GODZILLA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 MORK AND MINDY : Old Muggable Mork
6.25 AZAN MAGHRIB
6.29 MORK AND MINDY — sambongan
6.35 SAPPHIRE AND STEEL

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 B J AND THE BEAR : "The Two Million Dollar Hustle"
7.38 AZAN ISHA
7.42 B J AND THE BEAR — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 GIVE US A CLUE : No. 2
9.15 KNOT'S LANDING : "Courageous Conviction"
10.05 TAYANGAN GAMBAR : "A Vacation in Hell"
Alan mendapati persiaran-nya dengan Denise dan tiga orang teman2 wanita ada-lah sa-bagai satu pengalaman dalam neraka. Pelakun2 : Michael Bran don, Priscilla Barnes, Barbara Feldon, Andrea Marcovicci, Maureen McCormick dll.
11.45 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 17HB. SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.04 DRAK PACK
6.25 AZAN MAGHRIB
6.29 SPECTRUM : Detection

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTURY : "The Cosmic Whiz Kid"
7.38 AZAN ISHA
7.42 BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTURY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 CHERAMAH : Tiada Perantaraan Dalam Islam
9.10 DUNIA MINGGU INI
9.40 THREE'S COMPANY
10.10 ASSASSINATION RUN : No. 3 — Episod terakhir
11.00 TRAPPER JOHN : "Whose the Lucky Father"
Trapper dan Gonzo chuba menewaskan penipu yang chekap.
11.45 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 18HB. SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 CHILDREN'S SERIAL : "Double Double Cross"
5.30 THE LONE RANGER : The Escape
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 DR WHO : "Creatures from the Pit" bahagian kedua.
6.25 AZAN MAGHRIB
6.29 DR WHO — sambongan
6.35 THE MAGIC PALACE

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 ALOHA PARADISE — Siri baru
7.38 AZAN ISHA
7.42 ALOHA PARADISE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 AN EXCEPTIONAL CHILD : Inga Davis
9.00 THE STOCKARD CHANNING SHOW
10.15 THE SWEENEY : "Tomorrow"
10.30 GUSTI
11.05 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 19HB. SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG



SIRI ENOS minggu ini bertajok The House Cleaners.



FLASH GORDON ia-lah hero siri baru yang akan menggantikan siri Richie Rich hari Ahad depan jam 6.05 petang.

5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 NEW POPEYE SHOW
6.25 AZAN MAGHRIB
6.29 BEWITCHED : "Samantha Is Earthbound"
Apabila Samantha terjaga dari tidornya badan-nya terasa jadi "berat" tetapi telah di-gunakan-nya dengan baik kapada sa-orang pelanggan suami-nya.

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 QUINCY : "Headhunter"
7.38 AZAN ISHA
7.42 QUINCY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 MARI MEMASAK
9.25 TAYANGAN FILEM INDONESIA — Biangkrok
11.15 HAMMER HOUSE OF HORROR : "Children of the Full Moon"
12.00 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 20HB. SEPT.

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
2.15 SUSUNAN RANCHANGAN
2.17 IT'S NOW
3.05 SHANE : "High Road To Viator"
4.00 SUNSHINE : "A Houseboat Is Not A Home"
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE NEW ADVENTURE OF SUPERMAN
5.30 SCIENCE INTERNATIONAL
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 FLASH GORDON — Siri baru
6.25 AZAN MAGHRIB
6.29 CHILDREN'S SHORT STORIES : The Golden Fish

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 ENOS : "The House Cleaners"
7.38 AZAN ISHA
7.42 ENOS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HOW TO DRIVE A CAR : "Inspecting The Car"
Pemereksaan menular untok kesenonohan sa-buah kereta.
9.15 DRAMA : Gelombang Masa (SBC)
10.05 LOVE IN A COLD CLIMATE — Siri baru.
10.50 ARMCHAIR THRILLER : "The Victim" Bhg 4
11.20 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 21HB. SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 NEW MIGHTY MOUSE
5.35 ANIMAL WORLD : "World of Storks"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 TARZAN : 'Mountain of the Moon" Bahagian kedua
6.23 AZAN MAGHRIB
6.27 TARZAN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SHOESTRING : "I'm a Believer"
7.35 AZAN ISHA
7.39 SHOESTRING — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 THE GOLDEN SOAK No. 6 : Episod terakhir
9.40 A SPECIAL CHILD
10.00 CLIFFHANGERS : "Phantom Riders of the West" — Bahagian kedua.
10.50 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 22HB. SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE MUNCH BUNCH
5.15 LITTLE BLUE
5.30 SCOOBY DOO AND SCRAPPY DOO
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 LIFE ON EARTH : Themes and Variations
6.23 AZAN MAGHRIB
6.27 LIFE ON EARTH — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 NERO WOLFE : "Murder By The Book"
Tiga pembunohan, satu bunob diri dan hilang-nya beberapa nashkah tulisan ada-lah berkaitan.
7.35 AZAN ISHA
7.39 NERO WOLFE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.00 TAYANGAN GAMBAR : "No Other Love"
Janet, 21 tahun dan chachat. Orang tua-nya menumpangkan-nya di-sebuah asrama di-mana dia bertemu dengan Andrew. Mereka telah jatoh chinta dan kedua-nya ingin mendirikan rumah tangga tetapi mesti meyakinkan yang berkaitan bahawa mereka boleh berjaya dengan chita2 mereka itu.
Pelakun2 : Richard Thomas, Julia Kavner, Scott Jacoby, Elizabeth Allen, Robert Loggia, dll.
10.40 BOGNOR
11.10 SIARAN TAMAT.

# PENERANGAN2 MENGENAI PEMBANGUNAN BUKAN PROPAGANDA

**Oleh: Jahri Abd. Latif**

PANCHOR MURAI. — Ketua Pegawai Penerangan, Awg. Haji Badaruddin menegaskan kerajaan sa-takat ini tidak pernah menjadikan usaha2 menerangkan faedah2 pembangunan sa-bagai propaganda untok bahan hidangan raayat-nya.

Penerangan2 mengenai pembangunan dan kemajuan yang di-chapai oleh raayat, kata Awang Haji Badaruddin bukan-lah suatu propaganda, kerana menurut-nya, kerajaan sendiri menyedari "kita di-negeri ini tidak akan kenyang dengan memakan propaganda atau daayah."

### SAMBUT BAIK

Beruchap sa-masa merasmikan mashuarat agong kelima, Kedai Sharikat Kerjasama Kampong Panchor Murai pada hari Jumaat lepas, Awg. Haji Badaruddin menyebutkan betapa raayat di-kampong2 telah memberi kerjasama kapada kerajaan dengan chara menyambut baik ranchangan2 pembangunan dan kemajuan yang di-ranchangkan di-kawasan2 mereka.

Beliau memberitahu betapa, mithal-nya, anak2 sekolah di-kampong2 pendalaman berpeluang melanjutkan pelajaran mereka sa-hingga ada yang mendapat kelulusan2 dari pusat2 pengajian tinggi di-luar negeri.

"Ini ia-lah suatu tanda betapa raayat di-kampong2 itu mempergunakan peluang2 dan kemudahan2 yang di-sediakan oleh kerajaan dengan sa-baik2-nya," jelas beliau.

Terdahulu dari itu, Awang Haji Badaruddin menekankan bahawa kemajuan2 yang di-chapai oleh raayat ada-lah berkat suasana yang aman tenteram. Kemantapan suasana negeri ini banyak berpuncha dari perhubongan dua hala antara kerajaan dengan raayat, yang menurut-nya, perhubongan dua hala itu bagi kita di-Brunei di-langsongkan mengikut chara dan pengalaman kita sendiri.

"Hal ini-lah yang unik di-samping kita mempunyai kerajaan yang mengambil perhatian berat dalam memperbaiki taraf hidup raayat," kata-nya lagi.

### MENCHABAR

Kemantapan negeri ini, beliau menambah, tidak mudah di-nekmati oleh orang2 lain di-mana negeri mereka yang sering keehoh dengan berbagai2 masaalah dalam dan luar negeri.

Dalam pada itu, kata-nya, bukan kita tidak menyedari tentang perkembangan2 masa depan negeri ini yang sangat menchabar.

Kerana itu, Ketua Pegawai Penerangan telah menyeru raayat dan pendudok negeri ini supaya menguatkan azam mereka bagi menerus dan mengembangkan dasar2 kerajaan untok memantapkan lagi suasana negeri ini.

"Kita bertanggong-jawab meneruskan dan mengembangkan kemajuan yang sudah di-chapai pada masa ini dengan meyakini dasar2 yang membolehkan penchapaian-nya itu termasok-lah terus meyakini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia," tegas beliau seterus-nya.

Beliau perchaya ujudnya kedai sharikat kerjasama kampong itu di-hasratkan oleh ahli2-nya untok memperolehi faedah2 kemajuan yang di-ranchangkan oleh kerajaan dari segi pembangunan ekonomi dan sosial.



KETUA Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin ketika beruchap di-majlis itu.

# Sharikat Kerjasama sa-bagai sasaban penchapaian keadilan bermasharakat

PANCHOR MURAI. — Sharikat Kerjasama Panchor Murai, Imang dan Batong yang di-daftarkan pada 26hb Mach, 1977 telah mengadakan Mashuarat Agong-nya kali kelima pada hari Jumaat 4hb September lalu bertempat di-Sekolah Melayu Panchor Murai.

Mashuarat Agong bagi sharikat kerjasama yang mengendalikan sa-buah kedai runchit itu telah di-rasmikan oleh Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

Pemangku Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama Awang Mahmud bin Haji Bakyr turut memberi uchapan di-majlis tersebut.

Dalam uchapan-nya Awg Mahmud menegaskan, urusniaga kedai runchit yang di-kendalikan oleh sa-sebuah sharikat kerjasama hanya-lah sa-bagai alat atau sasaban untok menuju penchapaian pendidekan keadilan bermasharakat.

### UNSOR2 KEADILAN

"Sharikat kerjasama menggunakan kegiatan2 ekonomi untok menyalorkan unsor2 keadilan bermasharakat, dan ada-lah terlalu banyak pendidekan unsor keadilan bermasharakat itu yang dapat di-pelajari daripada penglibatan diri dalam kegiatan2 sharikat kerjasama," tambah beliau.

Salah satu unsor tersebut yang di-sifatkan penting oleh Pemangku Pesurohjaya dalam pembangunan masharakat ada-lah sharikat kerjasama menggalakkan semangat pengurusan keperluan sendiri sa-chara berkumpolan iaitu tanggong-jawab bersama mesti-lah di-pikul bersama2 dan tidak ada ahli 'penumpang' dalam sharikat kerjasama.

"Semua ahli ada-lah 'asset' atau 'harta' kapada sharikat, bukan-nya 'liability' atau tanggongan yang menjadi bebanan kapada sharikat. Alang-kah bahagia-nya kalau semua raayat dalam sa-sebuah negeri itu menajdi 'asset' kapada negara, raayat yang tahu akan tanggong-jawab masing2, raayat yang banyak memberi dan kurang meminta."

Menurut Pemangku Pesurohjaya kalau 55 orang ahli Sharikat Kerjasama Panchor Murai, Imang dan Batong itu dapat hidup dalam harmoni, titeh berusaha demi meningkatkan lagi taraf kehidupan sasama sendiri, "itu sudah dapat di-katakan satu sumbangan yang besar kapada negara jika di-bandingkan dengan 1,000 orang terpelajar yang banyak meminta tetapi kurang memberi."

Pemangku Pesurohyaya juga berseru kapada satiap ahli sharikat kerjasama supaya menyumbangkan sa-suatu khidmat kapada sharikat-nya, dan dalam hal sharikat kerjasama yang mengendalikan kedai runchit bentok sumbangan itu ada-lah sa-tiap ahli mesti ta'at membeli di-kedai sharikat sendiri. Sumbangan modal saham sahaja tidak memadai, tegas beliau.

"Saham hanya-lah sa-bagai modal untok membeli stock barang2, dan stock barang2 ini mesti-lah habis di-jual atau ada pembeli-nya, kalau tidak perniagaan sharikat akan tidak dapat berkembang kerana modal-nya terikat dalam stock barang2 yang tidak laku."

Mengharapkan pelanggan2 bukan-ahli untok menghabiskan stock barang2 bukan-nya tidak baik tetapi pembahagian keuntongan bonos kapada ahli yang sedikit beliannya akan berkurang kerana bonos ada-lah di-kira dari jumlah belian ahli dan bukan-nya dari jumlah belian pelanggan2 bukan-ahli.

### KEUNTONGAN

"Dengan menyumbangkan khidmat di-kedai sharikat bukan sahaja bertujuan supaya perniagaan sharikat dapat berkembang dan pembahagian keuntongan kapada sa-tiap ahli dapat di-lipat-gandakan, tetapi yang lebeh mustahak lagi konsep sharikat kerjasama untok menyuborkan semangat membantu diri sendiri demi kebajikan bersama dapat di-chapai dan dengan yang demikian tali silatur-rahim, rasa muhibbah dan perpaduan sa-sama anak2 kampong dapat di-kukohkan."

Pada tahun kewangannya yang berakhir 31hb Mach, 1981 Sharikat Kerjasama Panchor Murai, Imang dan Batong telah memperolehi untong bersih sa-jumlah $9,504.94 berbanding dengan $3,-280.42 yang di-perolehinya pada tahun 1980. Ini ada-lah peningkatan untong bersih hampir tiga kali ganda.



PELATEH2 sedang menerima penerangan daripada Awang Ong Pang Ting (Pensharah) berkenaan dengan pemeliharaan ayam telor sa-bagai satu kerja praktikal ladang.

# *Kursus Juruteknik Peladang di-PLPS*

SINAUT. — Kursus juruteknik pertanian sedang giat di-lancharkan di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut. Kursus ini ia-lah sa-bagai pengganti dua kursus yang lalu yang mana di-gabongkan menjadi satu di-namakan kursus juruteknik pertanian. Kursus yang baru ini memakan masa minima dua tahun dan mempunyai matalamat am pada tahun pertama dan kapada aliran khas dalam tahun kedua.

Pengambilan pertama tahun ini di-buat dalam bulan Mei yang lalu dan sa-ramai empat belas orang pemohon telah di-pileh untok memasoki kursus tersebut. Kursus tersebut di-jalankan dalam bahasa Inggeris.

Chalun2 yang berjaya di-berikan tempat tinggal perchuma, pakaian seragam, kasut ladang dan elaun bulanan sa-banyak $168.00 sa-bulan.

Kursus tersebut di-bahagikan kapada dua perengkat teori dan amali meliputi satu rangkaian tanaman tropika dan ternakan pilehan yang penting. Bahagian enam bulan pertama mengandongi dasar2 asas bagi tiga perkara penting — tanaman tropika, pemeliharaan tanaman dan pemeliharaan ternakan.

Bahagian enam bulan kedua mengandongi pendidekan yang lebeh terperinchi mengenai enam tanaman luar yang terpileh yang termasok bahagian kajihayat pengeluaran, pemeliharaan, penyimpanan ayer dan tanah dan pengurusan perladangan. Aspek pengeluaran binatang ternakan yang intensif termasok pendidekan terperinchi ternakan sapi, kambing dan kerbau serta pembiakan-nya, permakanan dan pengurusan perladangan.

Bahagian pertama bagi tahun kedua melibatkan pendidekan intensif pengeluaran kebun pasaran, tanaman bunga dan sayoran. Ia-nya termasok mengenai kajihayat, pengeluaran, pemeliharaan, penyimpanan ayer dan tanah dan pengurusan perladangan.

Perkara lain yang di-pelajari ia-lah mengenai jentera ladang termasok tajok saperti tenaga pemindahan, yunit tenaga, peralatan dan jentera. Bahagian enam bulan terakhir ada-lah di-buka untok pengkhususan dalam berbagai2 perladangan dan pelateh2 boleh memileh dari pengeluaran tanaman, pengeluaran ternakan, perkembangan pertanian dan jentera ladang.

Sharahan ada-lah di-jalankan pada sebelah petang dan kerja makmal dan amali di-sebelah pagi. Kerja ladang ada-lah di-buat sechara berkumpolan yang biasa-nya menghendaki bertanam tanaman yang khas dan pemeliharaan dan penjagaan ternakan yang khas di-ladang pusat tersebut. Penyertaan di-steshen2 kerajaan dan lawatan2 ka-ladang2 perdagangan persendirian mendedahkan pelateh2 itu kapada uruskerja2 perniagaan dan ini akan meluaskan pemikiran mereka.

Satu ujian bertulis di-jalankan pada tiap2 bulan untok menentukan pengetahuan yang telah di-perolehi. Satu senarai bagi kebolehan amali yang berbedza bagi tiap2 satu perkara ada-lah di-gunakan untok menentukan kemahiran amali bagi satiap pelateh.

Di-akhir tiap2 enam bulan satu pepereksaan bertulis dan ujian amali kemahiran bagi tiap2 satu mata pelajaran akan di-adakan dan ini akan membentok sebahagian dari penilaian yang akan menentukan markah terakhir.

Sa-telah tamat dari latehan, pelateh2 tersebut berpeluang untok melanjutkan pelajaran mereka ka-luar negeri saperti United Kingdom, Filipina, Australia, New Zealand dan lain2 bergantong kapada sharat2 yang di-tentukan. Biasiswa ada-lah daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Sharikat Minyak Shell Brunei.

Empat orang Juruteknik Padi, lepasan Pusat Pertanian Sinaut kini meneruskan pengajian mereka untok mendapatkan ijazah Sarjana Muda Sains di-Central Luzon State, Filipina.

# D.Y.M.M. BERANGKAT MELAWAT MUKIM SABA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat melawat Mukim Saba, di-Kampong Ayer pada hari Isnin, 14hb September yang lalu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan telah di-iringi oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah dan Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa.

Keberangkatan Baginda dan rombongan ka-Mukim itu telah di-alu2-kan oleh Pegawai Daerah, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar dan Penghulu Mukim tersebut, Awang Haji Ahmad bin Pateh Haji Tengah (gambar kiri).

Pegawai Daerah dan Penghulu Mukim juga mengiringi Baginda dan rombongan berangkat melawat ka-sekitar mukim tersebut saperti kelihatan gambar2 kanan dan bawah.









KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia menanda-tangani Buku Pelawat Sekolah Ugama Pengiran Anak Saleha sa-telah Baginda melawat sekolah tersebut (kiri).

Keberangkatan Baginda Yang Dipertuan ka-Mukim itu telah di-alu2kan dengan sembah uchapan yang di-sembahkan oleh Pengarah Haji Omarali bin Pateh Haji Tengah, bagi mewakili pendudok2 mukim tersebut (gambar bawah).

Pendudok2 mukim itu junjong ziarah kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (kanan) sementara gambar bawah kanan kelihatan salah sa-orang pendudok Mukim Saba mengemukakan masaalah-nya kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia.







# KUMPOLAN PERTAMA BAKAL2 HAJI SELAMAT BERTOLAK



BERAKAS.—Sa-tiap musim haji, Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas penoh sesak di-banjiri oleh umat Islam yang datang dari sa-genap pelusok tanah ayer kerana menghantar ibu-bapa, sanak-saudara atau handai taulan mereka yang hendak menunaikan fardhu haji ka-Mekah.

Kesebokan sa-umpama itu berlaku lagi pada hari Isnin lepas, di-mana kumpolan pertama bakal2 haji yang mengandongi kira2 400 orang jemaah haji Brunei bertolak ka-Jeddah dengan pesawat Sharikat Penerbangan Singapura.

Semua penerbangan termasok penerbangan pertama dan kedua di-iringi oleh pegawai2 perhubongan haji dan pegawai2 perubatan kerajaan yang mana mereka itu telah di-lantek oleh kerajaan bagi mengawasi kesejahteraan jemaah2 haji dari sini.

Tahun ini, sa-ramai 73 orang raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang menunaikan fardhu haji telah mendapat tambang haji kornia dari Baginda sendiri di-samping 165 orang pegawai2 dan kakitangan kerajaan yang berhak menerima tambang perchuma kerajaan.

Sa-jurus kapal terbang sewa khas bergerak dari landasan yang membawa jemaah2 haji dari dua kumpolan penerbangan, azan pun di-gemakan mengiringi mereka menunaikan rukun Islam kelima itu dan umat Islam yang berada ketika itu telah sama2 mengaminkan mereka mendapat haji yang 'mabrur'.

Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Y.B. Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abd Rahman dan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain ada-lah di-antara pegawai2 tinggi kerajaan yang berada di-lapangan terbang untok menguchapkan selamat belayar dan mereka juga telah bersalaman dengan jemaah haji.

Kumpolan kedua bertolak ka-Jeddah pada hari ini.



**YANG Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya; YB Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib telah berada di-lapangan terbang untok menguchapkan selamat belayar kapada bakal2 haji dalam kumpolan pertama itu saperti kelihatan dalam gambar atas dan kiri.**

**Gambar2 bawah kelihatan bakal2 haji itu sedang menunggu di-dewan bertolak saat untok menaiki kapalterbang Boeing 747, Sharikat Penerbangan Singapura yang di-sewa khas untok membawa bakal2 haji itu ka-Mekah.**

**Sementara gambar2 kiri pula kelihatan bakal2 haji menjalani pemereksaan paspot dan pemereksaan keselamatan.**











# PERADUAN BUNGA2 HIDUP ANJORAN WI MENDORONG KAUM WANITA BERTANAM BUNGA



YANG Dimuliakan Dayang2 Diraja Datin Seri Utama Hajjah Rosnah dengan di-iringi oleh pengerusi pertunjokan, Dayang Hajjah Marhani bte Abdul Latif ketika menyaksikan bunga2 okid di-pertunjokan tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Dimuliakan Dayang-Dayang Diraja Datin Seri Utama Hajjah Rosnah bte Abdullah telah menegaskan bahawa usaha Pertubohan Perkumpolan Perempuan Brunei mengadakan Pertunjokan Bunga-bunga Hidup sejak beberapa tahun lalu telah mendorong kaum wanita untok menanam pokok2 bunga di-perkarangan rumah masing2 sa-bagai suatu hobi.

Beruchap sa-waktu merasmikan Pertunjokan Bunga-bunga Hidup di-Dewan Bandaran di-sini pada 6hb. September lalu, Datin Hajjah Rosnah menambah kata, ada di-antara kaum wanita kita yang mula mendapat hasil2 yang agak lumayan dari usaha bertanam bunga2 itu.

## LEBEH GIGIH

Yang Dimuliakan Datin Hajjah Rosnah berharap supaya kaum wanita di-tanah ayer akan merintis perusahaan menanam bunga-bunga sa-chara yang lebeh gigih sa-hingga kapada perengkat yang boleh mendatangkan keuntongan, sa-bagaimana dengan hasil2 pertanian yang lain.

Terdahulu dari itu, pengerusi pameran, Dayang Hajjah Marhani bte Abd. Latif, telah menegaskan yang Pertubohan Perkumpolan Perempuan Brunei sentiasa menggalakkan aktiviti2 yang berfaedah dan berkebajikan saperti menggalakkan kegemaran bertanam bunga terutama sekali bunga2 okid, dan kerana itu-lah kata-nya lagi maka-nya di-tawarkan hadiah melanchong ka-Bangkok kapada pemenang bahagian okid terbaik, yang di-sumbangkan oleh Sharikat Penerbangan Diraja Brunei.

Pertubohan W.I. berharap agar sharikat tersebut akan dapat lagi menawarkan hadiah melanchong keluar negeri kapada pemenang Pertunjokan Bunga2 Hidup di-tahun2 akan datang.

Menyentoh tentang pertunjokan itu, Dayang Hajjah Marhani menyatakan terdapat-nya peningkatan standard gubahan bunga2 dari tahun ka-tahun yang lahir dari ujud-nya hobi dalam seni gubahan bunga di-kalangan wanita2 kita.

Justru itu, pameran bunga-bunga hidup yang pada perengkat permulaannya dulu hanya memerlukan kawasan kechil, kini menghendaki sa-buah dewan yang besar dan selesa untok di-nekmati oleh satiap orang, lelaki dan perempuan, tua dan muda dari sa-genap lapisan masharakat.

Satu perkara yang penting yang di-utarakan oleh Pengerusi Pertunjokan hari itu ia-lah keupayaan kaum wanita dalam menggumpulkan tenaga bersama bagi menjayakan pertunjokan kali ka-10 sempena dengan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Datin Hajjah Rosnah juga menyampaikan tiket pergi balek ka-Bangkok yang di-hadiahkan oleh Sharikat Penerbangan Diraja Brunei kapada pemenang okid terbaik, Dyg. Rogayah bte Idris.

## HADHIR

Majlis perasmian pertunjokan tersebut telah di-hadhiri oleh Isteri Pemangku Menteri Besar, Datin Hajjah Zahrah; Isteri Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Puan Arthur Watson; Isteri Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Datin Edah; Timbalan Penaong W.I., Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hajjah Siti Rafeah; Isteri Pegawai Daerah Brunei-Muara, Datin Hajjah Naemah, dan Penasihat W.I., Datin Masni bte Haji Ali.

Majlis itu telah di-akhiri dengan bachaan Do'a Selamat oleh Dayang Hajjah Aishah bte Begawan Mudim Dato Paduka Haji Adnan.

Achara sa-terus-nya ia-lah pertunjokan dan tunjok chara mengubah bunga-bunga okid oleh Dyg. Marcel Dato Carvalho, dan tetamu2 khas telah di-bawa ka-sekitar pameran pada hari itu.



YDM Datin Seri Utama Hajjah Rosnah sedang menyampaikan hadiah tiket pergi balek ka-Bangkok kapada wakil pemenang okid terbaik dalam pertunjokan tersebut.

## Pameran Urusan Rumahtangga di-Daerah Tutong

TUTONG.— Saperti juga Persatuan Pertiwi chawangan tiga daerah lain di-negeri ini, Pertiwi Chawangan Tutong juga tidak ketinggalan menyatukan tenaga mereka bagi mengadakan Pameran Urusan Rumahtangga dan Hasil Kerjatangan. Pameran tersebut di-adakan sempena Sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali ke-35 tahun bagi daerah Tutong.

Pameran yang telah berlangsong baru2 ini di-Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, telah di-rasmikan oleh Pegawai Tanah Daerah Tutong, Awang Alias bin Dato Matnor.

Pengerusi Pameran, Datin Hashum bte Haji Zainal Abidin, dalam uchapan alu2an-nya antara lain telah menegaskan bahawa tujuan utama pameran tersebut ia-lah untok memberi peluang kapada kaum ibu bagi memperlihatkan kemahiran mereka dalam bidang urusan rumahtangga.

Datin Hashum juga memberitahu pameran itu bukan sahaja terhad bagi mempamerkan bekas2 tangan ahli2 Persatuan Pertiwi, bahkan juga untok semua kaum ibu dan wanita di-daerah ini.

Sa-banyak 29 jenis pameran dari bahagian masakan, jenis kueh mueh, sulaman dan gubahan telah di-pertunjokkan. Hadiah kapada pemenang2 dan pemenang2 sagu hati telah di-sampaikan oleh isteri Pegawai Tanah Daerah Tutong, Dayang Hasnah bte Jamaluddin.

Sa-lain dari itu, hadiah chenderamata juga telah di-sampaikan oleh Pengerusi Peraduan.

## Majlis2 do'a selamat bagi bakal2 haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis2 doa selamat bagi bakal2 haji yang akan menunaikan fardhu haji ka-Mekah pada tahun ini telah di-langsongkan di-beberapa tempat di-ibu negeri di-sini pada minggu lalu.

Bertempat di-Bilek Gerakan Jabatan Perpindahan, majlis tersebut telah di-adakan khas bagi Pengarah Jabatan Perpindahan, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin, Haji Metahir bin Pehin Orang Kaya Kerma Setia Haji Hashim dan Dayang Lampan bte Pitam.

Di-antara achara di-hari itu ia-lah uchapan alu2an dari Timbalan Pengarah Perpindahan, Awang Haji Othman bin Ya'akub dan doa selamat telah di-bachakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Setia Awang Haji Mohd Tamin.

Turut hadhir di-majlis tersebut ia-lah Pemangku Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama, Awang Mahmud bin Haji Bakyr.

Sementara majlis yang sama juga telah di-adakan di-Dewan Asrama Jururawat Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan bagi 22 orang pegawai2 dan kakitangan jabatan berkenaan.

Majlis di-mulakan dengan uchapan dari Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Badar, Penolong Pentadbir Jabatan itu dan kemudian-nya di-ikuti pula dengan uchapan dari Pengarah Jabatan Kesihatan dan Perubatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Tabib Laila Diraja Dato Paduka Seri Lalia Jasa Dr P. I. Franks dan Doktor Haji Shah Mohammed Fazle Alam.



PEGAWAI Tanah Daerah Tutong, Awang Alias bin Dato Matnor bersama isteri beliau, Dayang Hasnah bte Jamaluddin, di-iringi oleh Datin Hashum, sedang menyaksikan gubahan dari bahan2 sayoran dan buahan.

## Battalion Pertama adakan "Latehan Satu"

BERAKAS.—Sa-ramai 129 orang anggota Battalion Pertama Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan berlepas ka-Hongkong bulan ini untok mengadakan latehan di-tanah jajahan itu.

Latehan yang di-beri nama Harapan Satu itu di-adakan sa-lama tiga minggu.

Kumpolan pertama yang akan mengandongi sa-ramai 21 orang anggota akan bertolak pada 22hb September ini, sementara 108 orang yang lain akan mengikuti dua penerbangan pada 25hb September, 1981.

Kumpolan ini akan di-ketuai oleh Major Ambran, dan akan menamatkan latehan tersebut pada 13hb Oktober depan.



Pengiran Mustapha

## Berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Agong Persatuan Guru2 Melayu Brunei, Pengiran Mustapha bin Pg Metasan telah berlepas ka-Kanada pada hari Selasa, 2hb September lepas untok menjalani Kursus Perkembangan Ikhtisas sa-lama satu bulan di-sana.

Pemergian beliau ada-lah atas biasiswa persahabatan (Fellowship) daripada Persekutuan Guru2 Kanada.

Pengiran Mustapha yang mengikut kursus di-Ottawa itu di-antara lain akan mempelajari berbagai subjek perguruan yang termasok dalam hal memimpin guru.

# ranchangan2 RADIO

## WAKTU SIARAN :

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

## TIAP2 HARI :

6.00–6.02 pagi : Allah Peliharakan Sultan
6.02–6.30 pagi : Sinaran Wahyu
6.30–8.30 pagi : Dendang Suria
Bingkisan Hari Ini
Suntingan Hidayah
Peringatan Harian
Panduan Sokan
Bertutor Dalam Bahasa Inggeris
12.00–12.45 T/H : Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo)
7.30 malam dan
1.00 tengah hari: Majallah Radio, siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis)
6.00 petang : Siri Mukkaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsong menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib
10.15 malam : Bachaan Al-Kor'an
10.24 „ Do'a Restu
10.29 „ Allah Peliharakan Sultan.

## WARTA BERITA :

7.00 pagi (Berita2 dalam negeri)
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 t/hari (tiap2 hari Jumaat)
5.30 petang
8.00 malam
8.15 malam (Berita2 dalam Bahasa Dusun Iban)
9.30 Berita Dunia dari BBC London.

**Menyiarkan AZAN:**

Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

## SIARAN F. M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

## GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

### Hari Rabu 16hb. Sept.

PAGI :
8.30 Rimba Raya (SU)
8.45 Dendang Antarabangsa
9.00 Permintaan Pagi Rabu
10.15 Rampaian Joget
10.30 Surat Dari London
10.45 Riang Ria
11.00 Taman Mekar (SU)
11.30 Autograph Pendengar (SU)
T/HARI :
1.30 Persembahan-ku (SU)
PETANG :
2.00 Chitra Irama
2.30 Tahniah dan uchap selamat
3.15 Hiboran Petang
3.30 Bingkisan Tanah Ayer
4.00 Panduan Pelajar
4.30 Dendang Ahmad Jais
5.00 Serbanika Hiboran
5.45 Senandong Asli
MALAM :
7.00 Rangkaian Lama dan Baru
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Kenangan Mengusik Jiwa

### Hari Khamis 17hb. Sept.

PAGI :
8.30 Ruangan Ketani (SU)
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Lagu2 Jenaka
10.30 Rampaian London
10.45 Aneka Lagu
11.00 Permintaan Suka Ramai.
T/HARI :
1.30 Chitra-wara
PETANG :
2.00 Puspa Irama
2.30 Sandiwara Radio (SU)
3.15 Hiboran Petang
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Tafsir Al-Koran
4.30 Petikan soal jawab ugama
5.00 Persembahan Lagu2 Gambus
5.45 Irama di-senja.
MALAM :
7.00 Bachaan Surah Yassin
8.30 Bimbingan Al-Koran
9.00 Permintaan Sukaramai
9.45 Hidayat.

### Hari Jumaat 18hb. Sept.

PAGI :
8.30 Pertanian
9.00 Pelajaran Dewasa Di-Udara
9.30 Tafsir Al-Kor'an (SU)
10.15 Soalan Di-Udara
10.30 Untok Belia
11.00 Bimbingan Al-Kor'an (SU)
11.30 Lukisan Masharakat.
TENGAH HARI :
12.00 Lagu Dakwah
12.15 Bachaan Al-Kor'an
1.15 Qasidah/Nashid
1.45 Lagu2 Timor Tengah.
PETANG :
2.00 Majallah Radio
2.30 Persembahan Gambus
3.15 Apa Pendapat Awda
3.30 Focus Radio
4.00 Cherpen dan Salokan
4.30 Langgam Suara
5.00 Puspa Irama
5.45 Suntingan Khutbah Jumaat
MALAM :
7.00 Petikan soal jawab ugama (SU)
8.30 Kampong Terpuji (SU)
9.00 Majallah ugama (SU)
9.45 Mari Berpantun

### Hari Sabtu 19hb. Sept.

PAGI :
8.30 Focus Radio (SU)
9.00 Riang Ria
9.15 Soalan Di-Udara (SU)
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Varia Peristewa
10.30 Rampai Sari
11.30 Hiboran Untok Kanak2
T/HARI :
1.30 LAGU2 Dari Filem
1.45 Rimba Raya (SU).
PETANG :
2.00 Permintaan Hujong Minggu
3.15 Apa Pendapat Awda
3.30 Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU)
4.00 Mutiara Asli
4.30 Chitra Irama
5.00 Rangkaian Lama dan Baru
5.45 Senandong Lagu2 Asli
MALAM :
7.00 Rampaian Malam
8.30 Cherpen dan Salokan (SU)
9.00 Irama Keronchong
9.15 Titian Budaya (SU)
9.45 Langgam Suara (SU).

### Hari Ahad 20hb. Sept.

PAGI :
8.30 Majallah Radio (SU)
9.00 Taman Mekar
9.30 Dunia Wanita
10.15 Titian Budaya
10.30 Ruangan Ketani
11.30 Suara Kugiran
T/HARI :
12.00 Sandiwara Radio
12.30 Irama Gembira
1.00 Permintaan Dua Station
PETANG :
2.00 Kampong Terpuji
2.30 Gema Ria
3.15 Hiboran petang
3.30 Mari Berpantun
4.00 Chitra-wara
4.30 Rrena Sokan
5.00 Persembahan Gazal
5.45 Irama di-senja.
MALAM :
7.00 Lagu2 Pilehan
8.30 Suara Parajurit
9.45 Permintaan Lagu2 60an.

### Hari Isnin 21hb. Sept.

PAGI :
8.30 Serbanika Hiboran
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Berdendang Dengan-ku
10.30 Sains dan Perusahaan
11.00 Permintaan Suka Ramai
T/HARI :
1.30 Senandong Seloka
PETANG :
2.00 Kenangan Mengusik Jiwa
2.30 Permintaan Jiran Tetangga
3.15 Rampaian Joget
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Bingkisan Tanah Ayer
4.30 Pertanian (SU)
5.00 Komintar Radio
5.15 Periang Hati
5.45 Lagu2 nasehat.
MALAM :
7.00 Aneka Lagu
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Mutiara Asli.

### Hari Selasa 22hb. Sept.

PAGI :
8.30 Suara Perajurit (SU)
9.30 Permintaan Kaum Wanita.
10.15 Irama Hindustan
10.30 Rampaian London
10.45 Lagu2 Jenaka
11.00 Autograph Pendengar
11.30 Dunia Wanita (SU).
T/HARI :
1.30 Lukisan Masharakat.
PETANG :
2.00 Ku Sampaikan Salam
3.15 Hiboran
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Suara Kugiran (SU)
4.30 Untok Belia (SU)
5.03 Varia Peristiwa
5.15 Sayu dan Merdu
5.45 Senandong Senja.
MALAM :
7.00 Persembahan ku
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Senandong Malam.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

## EVENING

### Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT
8.15 Music Talk : All in 24 days by Professor Ivor Keys.
8.30 Handel : The Harmonious Blacksmith (Harpsichord)
Schubert : Symphony No. 2 B Flat Major
Beethoven : Sonata No. 19, G Minor
9.30 Selection of short piece including Brodin : Polovestsian Dances (Prince Igor) De Falla: Ritual Fire Dance Wagner : Siefried's Rhine Journey (Twilight of the Gods).

### Thursday

P.M.
8.15 Hello Tomorrow
8.45 Perspective
9.00 In Latin Mood
9.30 Story Time : Napoleon and Josephine

### Saturday

P.M.
8.15 Melody Time
8.45 Frank Muir Goes Into
9.30 Top Of The Pops.

### Monday

P.M.
8.15 Dateline
8.45 Up The Belait Without A Paddle
9.30 Thirty-Minute Theatre

### Tuesday

P.M.
8.15 Just For You
9.00 Rock Line
9.30 Stereo Pop Special

## Daily

A.M.
7.00 BBC and Local News
7.15 Musical Hour
8.15 Radio Newsreel
11.00 Ladies At Eleven — except holidays
12.00 Lunch Break until 1.30—except holidays

P.M.
8.00 Radio Newsreel
9.15 News.

## HOLIDAYS — Friday

A.M.
11.00 Practical World
11.15 Light Music from Netherlands
11.30 Children's Half Hour
12.00 The Hitch Hiker's Guide to the Galaxy.

P.M.
12.45 Neil Richardson Presents
1.15 BBC Sports Magazine
8.00 Radio Newsreel
8.15 The Hitch Hiker's Guide to the Galaxy (repeat).
8.45 International Money Programme
9.00 Strictly Instrumental
9.30 Stringsound

## Sunday

A.M.
11.00 We Care For You
11.15 BBC Beautiful Music
11.30 World of Education
12.00 Frank Muir Goes Into
12.45 Interlude
1.00 Top of The Pops.

TAJUL'S STUDENT NIGHT

P.M.
8.00 Brunei's Top Ten
8.45 World of Education
9.00 Hot Questions Cool Replies
9.30 Science Pop.




# MBB SUMBANGKAN DERMA LEBEH $ 3 RIBU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia Belia Negeri Brunei (MBB) telah menderma-kan dua sumbangan bagi dua buah tabong kebajik-an di-negeri ini yang berjumlah lebeh dari $3,000.00.

Sumbangan pertama yang berjumlah lebeh da-ripada $2,000 telah di-der-makan kapada Tabong Orang2 Chachat sementa-ra sa-jumlah lebeh dari-pada $900 telah di-derma-kan bagi Tabong Kebaji-kan Kebangsaan Negeri Brunei.

Timbalan Yang Diper-tua MBB, Awang Haji Muhammad bin Haji Se-ruddin telah menyerahkan sumbangan derma berke-naan kapada Pengarah Kebajikan Belia dan So-kan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pe-kerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain.

Hadhir sama menyaksi-kan upachara tersebut ia-lah Ahli2 Jawatankuasa Tertinggi MBB yang ter-diri dari Awang Haji Ahmad bin Kadi dan Awang Mustafa bin Haji Abd. Rahman dan Datin Hajjah Zahrah binte Haji Idris, Ketua Pegawai Ke-bajikan Masharakat di-Pejabat Kebajikan Belia dan Sokan.

Majlis penyampaian derma itu telah di-lang-songkan di-Pejabat Ke-bajikan Belia dan Sokan di-ibu negeri di-sini pada hari Khamis 10hb. Sep-tember yang lepas.

# KEJOHANAN BOLASEPAK ANTARA JOHAN JABATAN2 KERAJAAN KALI PERTAMA AKAN BERMULA

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Kejohanan bola-sepak johan antara jaba-tan2 kerajaan kali pertama akan di-langsongkan pada penghujong bulan ini.

Pembukaan rasmi ke-johanan itu akan di-laku-kan oleh Pengarah Keba-jikan Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd. Yusof bertempat di-Padang Besar di-ibu negeri di-sini pada hari Selasa 29hb. September depan mulai jam 3.00 pe-tang.

Setiausaha kejohanan tersebut, Awang Haji Ali-don bin Haji Laidin ketika di-hubongi baru2 ini men-jelaskan bahawa kejohan-an tersebut akan di-sertai oleh lima buah jabatan2 kerajaan yang pada masa ini menganjorkan liga ja-batan masing2.

Jabatan2 tersebut ia-lah Kerja Raya, Radio Talivi-shen Brunei, Lembaga Bandaran, Pertanian dan Kastam dan Eksais.

## TUJUAN

Kejohanan ini di-anjor-kan, jelas-nya, ada-lah ha-sil daripada inisiatif ke-lima2 buah jabatan terse-but di-mana tujuan-nya di-adakan ada-lah semata-mata untok mengalakkan jabatan2 kerajaan yang lain yang belum mengan-jorkan liga jabatan masing2 supaya akan da-pat mengadakan-nya pada memasoki kejohanan itu nanti.

Di-mana, jelas Awang Haji Alidon lagi, hanya jabatan2 kerajaan yang mengadakan liga masing2 sahaja yang di-benarkan memasoki kejohanan itu yang terdiri dari johan.

Di-samping itu tambah-nya, kejohanan ini juga bertujuan untok mengerat-kan lagi tali persahabatan di-antara jabatan2 keraja-an di-samping pada sama2 lagi meninggikan mutu dan performance per-mainan bolasepak di-negeri ini di-mana per-mainan bolasepak ada-lah merupakan sa-jenis sokan yang paling di-minati.

Kejohanan ini di-ada-kan ada-lah bagi merebut piala yang di-gelarkan 'Piala Aziz' yang di-sum-bangkan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz bin Be-gawan Pehin Udana Kha-tib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar.

## JAWATANKUASA

Sementara itu jawatan-kuasa bagi menyelengga-rakan kejohanan tersebut telah pun di-bentok di-mana penaong dan pena-senat terdiri dari ketua2 jabatan bagi kelima buah jabatan tersebut.

Mereka yang di-lantek selaku penaong kejohanan terdiri dari Pengawal Kas-tam dan Eksais, Yang Amat Mulia Pengiran Le-la Cheteria Sahibon Naja-bah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz, Pengarah Ker-ja Raya, Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit, Pemangku Pengawal RTB, Awang Abd. Razak bin Haji Muhammad, Penga-rah Pertanian, Dato Ha-mid bin Jaafar dan Penge-rusi Lembaga Bandaran, Awang Haji Puasa bin Haji Tudin.

Manakala penasehat-nya terdiri dari Pengiran Maidin bin Pengiran Ha-shim, Awang Zakaria bin Dato Paduka Haji Nordin, Awang Alimin bin Haji Abd. Wahab, Awang Da-nial bin Haji Abu. Hana-fiah dan Awg. Mahmood bin Awang Damit.

Awang Samad bin Haji Abas di-lantek selaku pe-ngerusi dan timbalan-nya ia-lah Awang Mutalib bin Haji Md. Idris. Sementara Setiausaha ia-lah Awang Haji Alidon bin Haji Lai-din dan timbalan-nya Awang Rosli bin Omar. Manakala Bendahari ia-lah Awang Ismail bin Zainal.



KEDUA2 gambar ini menunjokkan perlawanan sepak takraw pusingan awal yang telah di-langsongkan di-Dewan Pusat Belia di-sini pada hari Selasa lepas.



# Kursus pengenalan kerani2 baru berkhidmat

KUALA BELAIT.— Satu kursus pengenalan bagi kerani2 yang baharu ber-khidmat dengan kerajaan akan di-adakan sa-lama tiga hari bertempat di-pe-jabat daerah tersebut per-mula dari 22hb Septem-ber depan.

Sa-ramai 17 orang ke-rani yang terdiri daripada lapan buah jabatan2 kera-jaan akan menyertai kur-sus tersebut.

Pensharah yang akan memberikan cheramah da-lam kursus tersebut ada-lah terdiri daripada pega-wai2 Yunit Latehan itu sendiri.

# Ahli J'kuasa SMMA lawat MPSHB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-rami 15 orang Ahli2 Jawatankuasa Sekolah Melayu Muhammad Alam Seria telah mengadakan lawatan sengkat ka-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong di-sini pada hari Sabtu yang le-pas.

Rombongan tersebut telah di-ketuai oleh Awang Haji Zulkifli bin Abdullah dan ke-tibaan mereka telah di-alu2kan oleh Awang Haji Abdul Wa-hid bin Pehin Dato Panglima Haji Abu Bakar, Pegawai Pendaftar maktab tersebut yang kemudian-nya telah memberikan taklimat mengenai dengan perkembangan serta kemajuan yang telah di-cha-pai oleh maktab tersebut.

Sa-lepas itu, rombongan ke-mudian-nya di-bawa melawat ka-beberapa bahagian maktab itu dan juga sempat menyaksi-kan berbagai-bagai pertunjo-kan yang di-sembahkan oleh penuntut2 maktab berkenaan di-kawasan maktab itu.

Sa-orang juruchakap dari sekolah itu menjelaskan baha-wa tujuan di-adakan lawatan itu ada-lah bagi menambah-kan lagi ilmu pengetahuan di-kalangan ahli2 Sekolah Me-nengah Melayu Muhammad Alam dalam mendidek kanak2 sekolah di-samping untok me-lihat sendiri tentang perkem-bangan maktab itu.

# Beribu-ribu orang saksikan Pesta Pantai Lumut dan Seri Kenangan

SERIA. — Pantai Lumut pada minggu lalu telah menjadi tumpuan ramai di-mana beribu-ribu orang dari pelusok tanah ayer telah membanjiri kawasan tersebut bagi menyaksikan Pesta Pantai sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sul-tan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-35 tahun bagi daerah itu.

Penolong Pegawai Da-erah Belait, Awang Kas-sim bin Haji Johan telah di-beri penghormatan un-tok membuka rasmi pesta tersebut yang di-adakan sa-hari suntok itu.

Berbagai-bagai achara telah di-adakan pada hari itu yang antara lain-nya termasok persembahan pancharagam serta nya-nyian dari artis2 tempatan dan persembahan silat dan kuntau dari Persatuan PEMBELA, Kuala Belait.

Di-samping persembah-an2 tersebut, achara2 so-kan saperti mengupas ke-lapa, lari dalam guni dan lumba perahu juga telah di-adakan.

## DI-TUTONG

Sementara itu, satu pes-ta yang sama juga telah di-adakan di-Daerah Tu-tong bertempat di-Pantai Seri Kenangan pada hari Ahad lepas.

Pesta yang juga di-ada-kan sempena Hari Keputer-aan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali ke-35 tahun itu telah di-rasmikan oleh Awang Aziz bin Muhammad, Pe-mangku Pegawai Daerah, Tutong.

Antara achara2 yang di-adakan pada hari itu ter-masok-lah perlawanan ga-sing, sugang, kikek, me-nutok dan menampi padi, mengupas nenas dan ke-lapa, mengibar rambat, menohor daun nipah, membuat penyapu lidi dan peraduan memetik gambus serta perlumbaan kerbau.

Di-samping itu, pesta tersebut juga di-serikan dengan permainan gambus dan pancharagam dari se-kolah2 serta peraduan pa-kaian beragam.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek ka-jawatan2 yang berikut di-dalam Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei (Angkatan Laut, Muara).

1. POMEN JURUTERA LAUT

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Mesti berumor di-antara 30 hingga 45 tahun.
b) Telah tamat sa-suatu kursus perantis atau latehan sa-bagai Jurutera Laut.
c) Mesti mempunyai sekurang2-nya 4 tahun pengalaman membuka dan memasang semula enjin2 MTU, GM, PERKINS dan BMC sa-hingga 1000 kw.
d) Mempunyai pengalaman mengawal kakitangan rendah.

**Tangga Gaji :**

D.4 EB.5—$980-1010-1040-1070-1105-1140-1175 / E B / 1200-1230-1260-1290.

2. PENGAWAS JURUTERA LAUT

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Mesti berumor di-antara 25 hingga 45 tahun.
b) Telah tamat sa-suatu kursus perantis atau latehan sa-bagai Jurutera Laut.
c) Mesti mempunyai sekurang2-nya 2 tahun pengalaman membuka dan memasang semula enjin2 MTU, GM, PERKINS dan BMC sa-hingga 1000 kw.
d) Mempunyai pengalaman mengawal kakitangan rendah.

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4 — $720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070-1105-1140-1175.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 8hb Oktober, 1981.

(E/1240/81—Bil: 156/1981)

## TENDER NOTICE

TENDER will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on 30th September, 1981 for the Supply of the following :—

(a) **Supply 1 (One) Unit Three Wheel Road Roller.**
(b) **Supply 1 (One) Unit Land Rover Cruiser.**

2. Specifications can be obtained from Brunei-Muara District Office, Bandar Seri Begawan, Brunei.
3. Approximate date of delivery must be stated, but not later than two months.
4. Tender must be place in sealed envelopes. There must be no indication on the cover of the name of the tenderer. The cover must be addressed to :—

The Chairman,
Tenders Board,
c/o State Financial Officer,
Ground Floor,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

and clearly marked :
"DISTRICT OFFICE BRUNEI AND MUARA SUPPLY OF VEHICLE"

5. Any tender received in envelopes not properly addressed will be rejected.
6. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## SA-BAGAI IMAM DI-AMDB

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Imam di-Askar Melayu Diraja Brunei, Brunei.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan Perkhemahan Berakas, Perkhemahan Bolkiah, Perkhemahan Muara atau Perkhemahan Tutong.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 30 hingga 45 tahun dan mahir dalam membacha Al-Kor'an dan mengetahui ajaran2 Ugama Islam. Mereka mesti-lah bersedia menghadapi satu pepereksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama.
b) Mengetahui dan bersedia menyempurnakan Fardhu Kipayah bila2 masa di-kehendaki.

**Tangga Gaji :**

D.2-3 EB.4 — $515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070-1105-1140-1175.

Sa-seorang yang sedang bekhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 8hb Oktober, 1981.

(E/1658/77)
(Bil : 148/1981)

## ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICES

### TENDER No. 49/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Electrical Wiring Contractor, Class "A" only up to 12.00 noon on Tuesday, 29th September, 1981 for following :—

REPLACEMENT OF PASSENGER LIFT FOR RELIGIOUS AFFAIRS BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked :—

"REPLACEMENT OF LIFT FOR RELIGIOUS AFFAIRS BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN."

The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 55/1981

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the Registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12.00 noon on Tuesday, 29th September, 1981 for the following :—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT TEMPORARY CARGO BUILDING, BRUNEI

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked :—

"ELECTRICAL INSTALLATION FOR BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT TEMPORARY CARGO BUILDING, BRUNEI."

The tender deposit of $300.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 57/1081

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the Registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A', and "B" up to 12.00 noon on Tuesday, 29th September, 1981 for the following :—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR STORE AND ADMINISTRATION OFFICE FOR GADONG ELECTRICAL COMPLEX, BRUNEI

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked :—

"ELECTRICAL INSTALLATION FOR STORE AND ADMINISTRATION OFFICE FOR GADONG ELECTRICAL COMPLEX, BRUNEI."

The tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

## TENDER NOTICE

TENDER will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on 30th September, 1981 for the Supply of the following :—

1 (one) **unit Automatic Woodworking machine**

2. Specifications can be obtained from Brunei-Muara District Office, Bandar Seri Begawan, Brunei.
3. Approximate date of delivery must be stated, but not later than two months.
4. Tender must be place in sealed envelopes. There must be no indication on the cover of the name of the tenderer. The cover must be addressed to :—

The Chairman,
Tenders Board,
c/o State Financial Officer,
Ground Floor,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

and clearly marked :
"DISTRICT OFFICE BRUNEI AND MUARA SUPPLY OF 1 (ONE) UNIT AUTOMATIC WOODWORKING MACHINE."

5. Any tender received in envelopes not properly addressed will be rejected.
6. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT, BRUNEI
### TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei from Approved PWD Sewerage Contractors only up to 12.00 noon Tuesday 13th October 1981 for the

SOIL DRAINAGE FOR THE TEMPORARY CARGO BUILDING AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

2. Tenders received after 12.00 noon, Tuesday 13th October 1981 will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in plain sealed envelopes marked "TENDER FOR SOIL DRAINAGE FOR THE TEMPORARY CARGO BUILDING AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT."
4. Tender Documents may be examined at and obtained from the office of Murray Ward dan Pakatan, Flat A4 Dayang Besar Flats, Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan at any time during normal office hours.
5. The Tender Deposit shall be $500.00 which will be refunded to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of tender documents and drawings.
6. Tenders shall be submitted only on the tender-forms provided.
7. The Brunei Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PEJABAT DAERAH TEMBURONG
### PEMBERITAHUAN TAWARAN
### MENIMBOK JALAN KECHIL KAMPONG PUNI, TEMBURONG

1. TAWARAN2 ada-lah di-pelawa bagi menimbok Jalan Kechil Kampong Puni, Temburong sa-jauh kira2 20 rantai dan lebar 20 kaki bagi Pejabat Daerah Temburong.
2. Tawaran2 hendak-lah di-masokan ka-dalam sampol surat yang bertutop dengan tidak menaroh tanda yang boleh mengenal nama penawar.
3. Tawaran2 mesti-lah di-alamatkan kapada Pengerusi Lembaga Tawaran Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat jam 12.00 tengah hari pada hari Selasa 22hb September, 1981. Di-atas sampol surat tersebut hendak-lah di-nyatakan dengan terang TAWARAN MENIMBOK JALAN KECHIL KAMPONG PUNI, TEMBURONG.
4. Keterangan lanjut mengenai dengan perkara ini boleh-lah di-dapati daripada Pejabat Daerah Temburong bila2 masa waktu pejabat dibuka.
5. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang telah di-tetapkan atau yang di-alamatkan dengan tidak betul tidak akan dilayan.
6. Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.
## INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for

1. **TENDER No. EPS/185/81 CATEGORIES 4, 9 & 32**

   Provision of services, equipment and manpower for general maintenance, minor construction works and emergency repairs to pipelines, pipe facilities and services in Seria Field, Badas, Lumut, Rasau Field and Kuala Belait up to the Brunei/Sarawak Border.

2. **TENDER No. EPS/211/81 CATEGORIES 9 & 32**

   Cleaning and Flashblasting of Export Tank No. 9 at the Seria Terminal.

3. **TENDER No. OPD/213/81 CATEGORY 27**

   Removal of sand, dirt, wax from drains, ditches, oil saver pits, sand traps and other locations in the Seria Land Field between Kuala Belait and Lumut including transportation and dumping of above mentioned materials at dumping area behind Well SE-495 in Block 26G and cleaning up of site after job is completed.

4. **TENDER No. LEN/215/81 CATEGORIES 1, 2 & 4**

   Construction of toilet facilities in BLNG Plant.

5. **TENDER No. SES/216/81 CATEGORY 4**

   Construction of new concrete foundation for pump 6B & 6C as well as bund wall for pump 6A, 6B & 6C.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

## TENDER NOTICE
### THE SUPPLY AND LAYING OF CARPETS FOR THE HIGH COURT BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN

1. TENDERS together with priced Bill of Quantities will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei for the above noted works up to 12.00 noon on 10th November 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and said envelopes shall be marked clearly "TENDER FOR THE SUPPLY AND LAYING OF CARPETS FOR THE HIGH COURT BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN."
4. Drawing and Bill of Quantities may be obtained from the office of International Project Consultants, Architects and Engineers, Room 41, Britannia House, Bandar Seri Begawan from 18th September 1981 during normal office hours.
5. The Tender Deposit will be B$500.00 which will be refundable to each unsuccessful tenderer but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.
6. Tenders shall be submitted only on the Forms of Tender provided.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE
### ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED ALTERATION AND ADDITIONS TO RBMR OFFICERS' MESS, BERAKAS, BRUNEI

REGISTERED Class 'B' and above Electrical Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical Installation to Proposed Alteration and Additions to RBMR Officers' Mess, Berakas, Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, Nos. 4 & 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg. Seri Complex, Mile 1½ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 16th September, 1981 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona-fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 6th October, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED ALTERATION AND ADDITIONS TO RBMR OFFICERS' MESS, BERAKAS, BRUNEI.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TENDER NOTICE

### PUBLIC WORKS DEPARTMENT, BRUNEI
### INFRA-STRUCTURE WORKS FOR VIP HOUSING, JALAN BAHARU MENGHUBONGI TUTONG-GADONG ROAD

1. TENDERS are invited from P.W.D. Registered Class 'A' contractors for the above works.

2. The works consist approximately of 900,000 cu metres of earthworks, 8000 metres of roads and associated works.

3. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon Wednesday 23rd September 1981. Late Tenders shall be rejected.

4. Tenders must be submitted in sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderers and shall be clearly marked "TENDER FOR INTRA-STRUCTURE WORKS, VIP HOUSING, JALAN BAHARU MENGHUBONGI TUTONG-GADONG ROAD."

5. Tender documents may be obtained from the office of Messrs. Ove Arup dan Rakan-Rakan, Unit 5, Block F, 1st Floor, Jefri Bolkiah Building, Seri Complex, 1½ miles, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from Wednesday 16th September 1981 during normal office hours, on payment of B$5,000.00 (Brunei dollars: Five Thousand Only) in the form of Bank Draft in favour of the Government of Brunei as tender deposit.

6. The Tender Deposit will only be refunded in full to all unsuccessful tenderers who have submitted a tender and returned the tender drawings in good condition to the Engineers office. The Tender Deposit will not be refunded to the successful tenderer and it shall be paid to the government to be credited to the relevant project vote.

7. Prior to the submission of the tender, tenderers will be required to produce: —

a) Documentary evidence that he is P.W.D. Registered Class "A" contractor.

b) A letter from his Bank stating in the event of his tender being accepted, the said Bank would be willing to furnish him with a Banker's Guarantee in accordance with the conditions of contract. This should be attached to the Tender Documents.

8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### COMBAT ENGINEERS' SQUADRON COMPLEX AT R.B.M.R. CAMP, PENANJONG CANTONMENT, BRUNEI

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the office of State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Building, Bandar Seri Begawan, Brunei P.W.D. Registered Class 'A' Contractors up to 12.00 noon on Tuesday October 6, 1981 for the Construction and Completion of:

COMBAT ENGINEERS' SQUADRON COMPLEX AT R.B.M.R. CAMP, PENANJONG CANTONMENT, BRUNEI.

2. Tender documents can be examined at and obtained only from Wednesday, September 16, 1981 onwards during normal office hours from the office of the Architects:

SINGAPORE ASSOCIATE ARCHITECTS
UNIT 1 BLOCK E
1ST FLOOR
JEFRI BOLKIAH BUILDING
SERI COMPLEX
MILE 1½
JALAN TUTONG
BANDAR SERI BEGAWAN
BRUNEI.

3. No tender drawings and documents will be issued after 4.30 pm on Thursday September 24, 1981.

4. Prior to the issue of the Tender Documents, all tenderers are required to:

4.1 produce documentary evidence of their P.W.D. registration status

4.2. produce a letter from his bank (the said bank being a well known and stable bank) stating that in the event of his tender being accepted the said bank will furnish him with a banker's guarantee (in the sum of approximately $500,000.00) in accordance with the Conditions of Contracts.

5. The Tender Deposit required is $5,000.00 (Dollars Five Thousand Only) which is in the form of a bank draft and shall be made payable to the Architects. The deposit is refundable to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all Tender Documents in good condition to the office of the Architects.

The Tender Deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender or fails to submit a bona fide tender or fails to return the Tender Documents to the Architects' office before the closing date.

The Tender Deposit will not be refunded to the successful tenderer, and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project vote.

6. Tenders shall be submitted on the Form of Tender provided and enclosed in pretyped envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the name and address of the tenderer on the envelopes.

7. Tenders are to be submitted and must reach the office of:

The Chairman,
Tenders Board,
Secretariat Building,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

not later than 12.00 noon on Tuesday October 6, 1981. Tenders received after the above stipulated closing time and date will be rejected.

8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## J.K.R. PEMBERITAHUAN TAWARAN

**SERIAL No. KB 19/1981**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas AX sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sahingga jam 12.00 tengah hari pada 29hb September, 1981 bagi: —

CONSTRUCTION OF R.C. DRAINS ON EASTERN SIDE OF LORONG TIGA BARAT, SERIA.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB 19/1981**

TENDERS will be received from Class AX only and above Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th September, 1981 for: —

CONSTRUCTION OF R.C. DRAINS ON EAST ERN SIDE OF LORONG TIGA BARAT, SERIA.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB 20/1981**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas AX sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 29hb September, 1981 bagi:—

EXTENSION TO BRANCH SEWERS, CONNECTIONS TO PROPOSED FIRE STATION AND STAFF QUARTERS AT KUALA BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB 20/1981**

TENDERS will be received from Class AX only and above Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th September, 1981 for: —

EXTENSION TO BRANCH SEWERS, CONNECTIONS TO PROPOSED FIRE STATION AND STAFF QUARTERS AT KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

NOTE:

Contractors who wish to submit tender for the above must have previous experience of advanced de-watering techniques involved for deep trench excavation and also have sufficient equipment, plants etc for this type of works.

Site inspection commencing 10.00 hours at PB-1, Jalan Nakhoda Ragam, Kuala Belait on 26th September, 1981.

**SERIAL No. KB 21/1981**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas B sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sahingga jam 12.00 tengah hari pada 29hb September, 1981 bagi: —

REPAIR AND REPAINTING TO RICE GODOWN No. 2, KUALA BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB 21/1981**

TENDERS will be received from Class B only and above Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th September, 1981 for: —

REPAIR AND REPAINTING TO RICE GODOWN No. 2, KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

## B.S.P. TENDER NOTICE NO. SSU 11 81

Item 1 — One Lot Approx. 123 Joints Surplus Tubulars.
7 Jts. 14" x 0.625" WT x 40'
5 Jts. 16" x 1" WT x 40'
30 Jts. 18" x 0.375" WT x 40'
6 Jts. 22" x 0.75" KT x 40'
65 Jts. 24" x 0.75" WT x 40'
10 Jts. 24" x 1.25" WT x 40'

Item 2 — One Lot Approx. 366 Joints Surplus Tubulars.
216 Jts. 26" x 0.5" WT x 40'
100 Jts. 26" x 0.75" WT x 40'
50 Jts. 26.5" x 0.75" WT x 40'

Item 3 — One Lot Approx. 102 Joints Surplus Tubulars.
45 Jts. 28" x 0.5" WT x 40'
11 Jts. 30" x 1.75" WT x 40'
21 Jts. 33" x 0.375" WT x 40'
25 Jts. 42" x 0.75" WT x 40'

Item 4 — One Lot Approx. 36 Joints Rejected Tubulars.
17 Jts. 12" x 0.5" WT x 40'
1 Jt. 18" x 0.5" WT x 40'
2 Jt.s 33" x 0.375" WT x 40'
6 Jts. 33" x 0.5" WT x 40'
10 Jts. 46.5" x 0.5" WT x 40'

Item 5 — One Lot Approx. 20 Joinst Rejected and Offshore Salvage Tubulars.
Rejected Tubulars —
1 Jt. 33" x 0.375" WT x 40'
5 Jts. 46½" x 0.5" WT x 40'
Offshore Salvage —
12 Jts. 30" x 1" WT x 30'
2 Jts. 42" x 1" WT x 20'

Item 6 — One Lot Approx. 13 Pieces Surplus Wide Flange Steel Beam.
5 Pcs. 32" x 12" x 36'
7 Pcs. 36" x 12" x 36'
1 Pce. 37" x 17" x 40'

Item 7 — One Lot Approx. 1701 Joints Obsolete Tubing Casing and Rejected Tubulars.
Tubing — 1300 Jts. 3½" x 30'
Casing — 387 Jts. 5" x 40'
Tubulars — 12 Jts. 12" x 40'
2 Jts. 16" x 40'

Item 8 — One Lot Approx. 368 Joints Obsolete and Recovered Casing.
Recovered Casing — 131 Jts. 7" x 40'
Obsolete Casing — 237 Jts. 7" x 40'

Item 9 — One Lot Used/Deteriorated Cables and Copper Wire.

Item 10 — One Lot Approx. 20 Pieces Obsolete Wire Wrapped Screens.
3 Pcs. 5" K55 0.012 x 3'
8 Pcs. 5" K55 0.012 x 8'
9 Pcs. 5" K55 0.012 x 15'

Item 11 — One Lot Approx. 13 Pieces Surplus Single Bellows Unit.
4 Pcs. 16" Type No. AWM/400/207045
2 Pcs. 18" „ AWM/450/207046
4 Pcs. 20" „ AWM/500/207047
3 Pcs. 24" „ AWM/600/207048

Item 12 — One Lot Obsolete Equipments.
12 Pcs. HI-TORC Automatic Controllers.
2 Pcs. 5" Liner Hanger EL Pin x Box Up.
2 Pcs. 5" Sleeve 18 Lb/Ft. N80.
1 Pce. 5" Liner Packer SS EL Pin Down.
1 Pce. 5" Liner Wiper Plug.
2 Pcs. 5" Float Shoe XLSG 18 Lb/Ft. N80.
4 Pcs. 5" Baffle Ball Catcher Collar EL Pin x Box Up.
4 Pcs. 5" Landing Collar EL Pin x Box Up.
9 Pcs. 5" Metal Petal Basket Prod No. 231-01.

Item 13 — One Lot Obsolete Equipments.
22 Pcs. 6⅝" Liner Hanger Packer 24 Lb/Ft. K55 BTC "RTS"
46 Pcs. 6⅝" External Casing Packers 24 Lb/Ft. K55 BTC "RTS"
60 Pcs. 6⅝" Dual Seal Port Collars 24 Lb/Ft. K55 BTC "RTS"
13 Pcs. 7" Dual Seal Port Colars 26 Lb/Ft. N80 BTC
9 Pcs. 7" External Casing Packers 26 Lb/Ft. N80 BTC "RTSX"
2 Pcs. 13⅜" External Casing Packers 72 Lb/Ft. N80 8RD "RTS"
6 Pcs. 9⅝" External Casing Packers 40 Lb/Ft. K55 BTC "RT"
12 Pcs. 5" External Casing Packers 18 Lb/Ft. N80 EL "BTX"
5 Pcs. 4½" External Casing Packers 11.6 Lb/Ft. N80 LTC "BT"
22 Pcs. 5" Port Collars 18 Lb/Ft. N80 EL
2 Pcs. Check Valve Poppet P/No. 0089
2 Pcs. V. Packing Set P/No. 875
3 Pcs. Element 7⅜" x 66" x 2" P/No. 4429
3 Pcs. Lug Nipple 2⅜" x 2" L.H. P/No. 300-.70

Item 14 — One Lot Approx. 15 Pieces Obsolete Float Collars. 20" N80 Buttress.

Note: The following items may be viewed at the following places:
Item 1- 4 — SSU Yard — Kuala Belait.
Item 5-10 — SSU Yard — Seria.
Item 11-14 — SSU Warehouse — Seria.

### TERMS OF TENDERING

1. Tenders shall be deemed to be irrevocable and open for acceptance by the Company for a period of fourteen days from the closing date.

2. All tenderers should enclose a copy of their Bankers letter stating that the amount he is bidding could be paid within ten days after the receipt of the COMPANY's written notice.

3. The items to be sold are sold on an "as is' 'where is' basis and the successful tenderer must: —
   a) sight inspect the item prior to submitting the bid.
   b) pay to the COMPANY the total sum tendered for within 10 calendar days after receipt of the COMPANY's written notice.
   c) provide all necessary lifting equipment transport for the removal of the item(s).
   d) remove the materials entirely at his own expense. The number of days allowed to remove the item(s) will depend upon the number of item(s)/quantity awarded to the tenderer which will be advised in the letter of acceptance. The COMPANY will treat this tender null and void, and or charge rent at the rate of B$500.00 per day in the event that the tenderer failed to remove the items within the specified period.

4. The COMPANY further reserves the right: —
   d) To refuse to accept any or all tenders submitted, and
   e) To withdraw any or all the items before acceptance of any tenderer's offer.

5. The COMPANY accepts no liability whatsoever for the sale of the above materials/equipment, which is sold subject to faults and defects, if any, and without any condition or warranty as to the quality and fitness for purpose required or otherwise. A letter of indemnity signed by the purchaser will be required by the COMPANY before release of goods.

6. In most cases the items to be sold may be viewed on any working day on application to: —
Brunei Shell Petroleum Company Limited,
Supplies Department,
Local Market Development and Disposal Section,
SERIA.
(SSU-15, Tel. No. NIA 536 or 403)

7. The closing date for receipt of Tenders shall be 8.00 a.m. on 25th September, 1981. Tenders should be addressed in sealed envelopes to: —
Brunei Shell Petroleum Company Limited,
Supplies Department,
SERIA.
"Endorsed: B.S.P. Tender Notice No. SSU 11/81"

8. The submission of a tender shall be deemed to constitute acceptance by the Tenderer of all the terms of tendering set out herein.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI NADZIR KHAS DI-JABATAN KENDERAAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai NADZIR KHAS di-Jabatan Kenadziran, Brunei.

Satu kekosongan terdapat bagi tiap2 mata-pelajaran yang berikut : —

1. Bahasa Melayu dan Sastera Melayu;
2. Ilmu Hisab;
3. Sains;
4. Bahasa Inggeris dan Sastera Inggeris.

**Kelayakan2:** (minima)

1. Sarjana Muda Kepujian dalm bidang (mata-pelajaran) pengkhususan;
2. Diploma Pendidekan atau Sijil Pelajaran Post-Graduate.
3. Faseh bertutor dan menulis Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris tetapi keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang menguasai kedua2 bahasa tersebut.

**Pengalaman dan Kualiti2 Lain :**

1. Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman mengajar dan dalam pentadbiran sekolah;
2. Mempunyai kebolehan dan keyakinan untok menilai, menyelia dan menasehat para Guru dan Pengetua Sekolah hingga ka-perengkat Tingkatan VI.
3. Mempunyai sifat2 pemimpin dan berupaya memberi pertimbangan yang waras ka-atas prestasi para Guru dan Pengetua Sekolah.

**Tugas2 :**

1. Menilai, menyelia dan menasehat guru2 dan Pengetua2 atas kerja2 mereka hingga ka-perengkat Tingkatan VI;
2. Membantu dalam perlaksanaan kursus2 atau seminar2 dalam pengajaran mata2-pelajaran pengkhususan masing2.
3. Tugas2 lain yang di-arah oleh Pengarah Kenadziran.

**Latehan 2:**

Chalon2 hendak-lah bersedia menjalani latehan2 atau kursus lanjutan di-dalam atau di-luar negeri.

**Penempatan :**

Semua Nadzir2 Khas di-tempatkan di-Ibu Pejabat Kenadziran, Bandar Seri Begawan, tetapi mereka mesti bersedia melawat dan bermalam di-semua daerah di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**

B. 2 EB. 3 — B$1975-2050-2125-2205-2285 - 2365 - 2445 - 2525-2610-2690 - 2775 - 2870 - 2965-3070-3175 - 3280 / E B / 3350-3445-3540-3640.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang FO/F2 dan borang GT atau GK Jabatan Kenadziran yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan sijil, surat2 akuan tidak lewat dari 5hb Oktober, 1981.

Mereka yang telah memohon jawatan ini mengikut yang telah lalu tidak perlu menghadapkan permohonan lagi.

(E/53/79 — Bil : 157/1981)

## TENDER NOTICE

### AIR CONDITIONING INSTALLATION TO PROPOSED ALTERATION AND ADDITIONS TO RBMR OFFICERS' MESS BERAKAS, BRUNEI

REGISTERED Class 'C' and above Air Conditioning Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Air Conditioning Installation to proposed alteration and additions to RBMR Officers Mess, Berakas, Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, Nos. 4 & 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg., Seri Complex, Mile 1½ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 16th September, 1981 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 6th October, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR AIR CONDITIONING INSTALLATION TO PROPOSED ALTERATION AND ADDITIONS TO RBMR, OFFICERS ' MESS, BERAKAS, BRUNEI.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## TELECOMMUNICATIONS DEPT., BRUNEI

### TENDER NOTICES

**CONTRACT No. 12/1981**

1. TENDERS are invited from local Contractors who have registered with the Telecommunications Department and have either the A or B Registration Class.
2. The said tenders are for excavating of Trench Laying Buried Cables, and single Duck Mounting Distribution Box, Installing Distribution uonduct, Cable Troughing, underground lead in and Telephone Cables in Buildings.
3. Tenders should be received by the Chairman, Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon 23rd September, 1981. Tenders received after the said time and date will be rejected.
4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked : — "TENDERS FOR CABINET 18, 21, 22 AND 25 OF CENTRAL EXCHANGE AREA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI. bearing no indication of the name of the tenderer.
5. Further details of the tender can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of $1,000.00. The said deposit is refunded to all unsuccessful tenderers provided that the tender document are returned in good condition together with the receipt of the deposit. The tender deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender or fails to return the tender document.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER NOTICE 13/1981

1. TENDERS are invited from local contractors who have registered with the Telecommunication Department and have either the A, B or C Registration Class.
2. The said tenders are for excavation of trench, laying buried cables, single duct, erecting Distribution Poles and excavating jointing pits : Cabinet No. 4 north exchange area, Kampong Perpindahan.
3. Tenders should be received by the Chairman, Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon 30th September. Tenders received after the said time and date will be rejected.
4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked : — TENDERS ARE FOR EXCAVATION OF TRENCH LAYING CABLES, DUCT, FOR CABINET No. 4, NORTH EXCHANGE AREA KAMPONG PERPINDAHAN. bearing no indication of the name of the tenderer.
5. Further details of the tender can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of $500.00. The said deposit is refunded to all unsuccessful tenderers provided that the tender documents are returned in good condition together with the receipt of the deposit. The tender deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender or fails to return the Tender Document.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

1) TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Buildings, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' Contractors up to 12.00 noon on 6th October 1981 (Tuesday) for the : —

PROPOSED EXTENSION TO RADIO STATION FOR THE RBMR, BERAKAS CAMP, BRUNEI.

2) Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.

3) Tender documents may be inspected and obtained from the office of Jurutera Tempatan, Unit 7, Block F, 1st Floor, Jefri Bolkiah Building, Seri Complex, Mile 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 17th September 1981 (Thursday) during normal office hours.

4) Tenders shall be submitted only on the Tender Form and enclosed in envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the name and address of the tenderer on the envelope.

5) The Tender Deposit of B$500.00 shall be in the form of Bank Draft made payable to the Government of Brunei which will be refunded to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and on the return of tender documents and drawings in good condition.

6) Before being provided with tender documents, tenderers will be required to :

a. Prove that they are registered Class 'A' Contractor with the Public Works Department, Brunei.

b. Submit a Banker's letter of guarantee of support for the whole of this contract and proof that they can produce a security deposit with a registered bank in Brunei in the sum of $100,000.00 (Brunei Dollars One Hundred Thousand).

7) The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## ARMY WORK PART I SERVICES VISITING COMPANIES ACCOMMODATION MEDICINA LINES, SERIA

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Bunei from PWD Registered Class "A" Contractors, for the construction and completion of the above-noted works up to 12.00 noon on Tuesday 6th October 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderers and the said envelopes be marked clearly "ARMY WORK PART I SERVICES, VISITING COMPANIES ACCOMMODATION, MEDICINA LINES, SERIA."
4. Bills of Quantities may be obtained from the office of Akitek Bersatu 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, Brunei from Wednesday 16th September 1981, during normal office hours. Tender documents will not be issued to any tenderers after 30th September 1981.
5. The Tender Deposit will be $1,000.00 and will be refundable to each unsuccessful tenderer, but forfeited by any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.

The amount shall be in Bank Daft or cheque payable to the Government of Brunei.

6. Prior to the submission of the tender, each tenderer will be required to : —

1) Produce documentary evidence that he is PWD Registered Class "A" Contractor.
2) Produce documentary evidence that he has complied with the latest Government requirement in respect of the Financial Guarantee.
3) Produce a letter from his Bank (the said Bank being a well-known and stable Bank) stating that in the event of his tender being accepted, the said bank would be willing to furnish him wih a Banker's Guarantee in accordance with the conditions of contract, and should be 10% of the contract sum. This should be attached to the Tender Document.

7. Tenders shall be submitted only on the Forms of Tender provided.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED REGIMENTAL MUSEUM, STATE ARCHIVES AND ARCHAEOLOGICAL BUILDING COMPLEX, PHASE I

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'B' and above Electrical Contractor up to 12.00 noon 6th October, 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLALATION FOR PROPOSED REGIMENTAL MUSEUM, STATE ARCHIEVES AND ARCHAEOLOGICAL BUILDING COMPLEX, PHASE I.
4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs. Brisma International Consultants, Block F12, Seri Temasek, Seri Complex, 1¼ M.S., Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan from 9th September 1981 onwards during normal office hours.
5. The tender deposit will be B$500.00 (Brunei Dollars Five Hundred Only) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have returned the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'B' and above Electrical Contractor.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

1981.

## TENDER NOTICE

### ALTERATION AND ADDITIONS TO OFFICERS' MESS, BERAKAS

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei, from P.W.D. Registered Class "A" contractors, for the construction and completion of the above-noted works up to 12.00 noon on Tuesday 6th October 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderers and the said envelopes be marked clearly "TENDER FOR ALTERATION AND ADDITIONS TO OFFICERS' MESS."
4. Bills of Quantities may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, Brunei from Wednesday 16th September 1981, during normal office hours.
5. The Tender Deposit will be $2,000.00 and will be refundable to each unsuccessful tenderers, but forfeited by any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.

The amount shall be in Bank Draft or cheque payable to the Government of Brunei.

6. Prior to the submission of the tender, each tenderer will be required to : —

1) Produce documentary evidence that he is P.W.D. Registered Class "A" Contractor.
2) Produce documentary evidence that he has complied with the latest Government requirement in respect of the Financial Guarantee.
3) Produce a letter from his Bank (the said Bank being a well-known and stable Bank) stating in the event of his tender being accepted, the said Bank would be willing to furnish him with a Banker's Guarantee in accordance with the conditions of Contract. This should be attached to the Tender Document.

7. Tenders shall be submitted only on the Forms of Tender Provide.
8. The Governement of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any Tender.

## UNSERVICEABLE VEHICLES

**LOT 70**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan up to 10.00 am., 19th September 1981 for the undermentioned unserviceable vehicles.
2. Tenders received after this time will be rejected.
3. Vehicles may be viewed in RSSD Logistics Depot Compound, Bolkiah Camp until 11.00 am 18th September 1981.
4. Tenders must be placed in plain sealed envelopes and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.
5. Envelopes must be addressed to the Chairman Tenders Board, the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan and must be clearly marked on the top of the envelope with the Lot number (Lot 70, RBMR).
6. Any tenders received in an envelope not properly addressed will be rejected.
7. Vehicles are offered for sale "As Lying" and must be removed from present site by successful tenderer within 14 days of notification.
8. The Government does not bind itself to accept the highest or any tender.

| Ser No. | Items | Qty |
|---|---|---|
| 1. | Landrover ¾ ton SG | 3 |
| 2. | Landrover ¾ ton FFR | 1 |
| 3. | Hiab Crane Berford | 1 |

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

…MOHONAN2 ada-lah di-…wa daripada chalon2 yang …elayakan untok di-lantek …awatan2 yang berikut di-…atan Perubatan dan Kesi-…an, Brunei.

KETUA JURURAWAT KESIHATAN SEKOLAH:

**…ayakan2 dan Pengalaman :**
…emohon2 mesti-lah mem-…yai Sijil2 S.R.N., S.C.M. … H.V.C.
…Mempunyai sekurang2-nya …tahun pengalaman dalam …khidmatan M.C.H. baha-… luar.
…Pengalaman dalam kerja2 …hatan ka-sekolah2 merupa-… suatu kelebehan.

**…gas2 :**
…Menjalankan, menyelia dan …elaraskan kegiatan2 ke-…atan ka-sekolah2 di-sesuatu …rah.
…Bekerjasama dengan rapat …gan Pegawai Kesihatan.

…
…Chalon2 yang berjaya mes-…lah bersedia untok bertugas di-mana2 saja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**
M. 11. — B$1670-1745-1820-1895-1975 - 2055 - 2140 - 2225-2310-2395 / EB / 2480 - 2565 - 2650-2735-2820. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. KETUA JURURAWAT KESIHATAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**
a) S.R.N. dan S.C.M. yang boleh di-daftarkan di-Malaysia dan Singapura atau kelulusan yang sebanding dengan-nya.
b) Mesti-lah lulus dan mempunyai Sijil Pepereksaan Pelawat Kesihatan.
c) Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang boleh bertutor dalam bahasa Melayu.

**Tangga Gaji :**
M. 11 — B$1670-1745-1820-1895-1975 - 2055 - 2140 - 2225-2310--3495 / EB / 2480 - 2565-2650-2735-2820. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. JURU X-RAY :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Chalon2 mesti-lah mempunyai Diploma dari College of Radiographers, United Kingdom dan Diploma in Medical Ultrasound of the United Kingdom atau yang sebanding dengan-nya.

**Umor :**
Di-bawah 40 tahun.

**Tangga Gaji :**
M .11 — B$1670-1754-1820-1895-1975 - 2055 - 2140 - 2225-2310-2395 / EB / 2480 - 2565 - 2650-2735-2820. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**
Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 24hb Oktober, 1981.

(E/431/80 — Bil: 158/1981)

## B.S.P. TENDER NOTICE NO. SSU 12/81

…1 — One Lot Five Pieces Drilling Tools.
2 Pcs Brown Hydraulic Pulling Tools 7¼″ OD x 5¼″ OD.
2 Pcs. Brown Anchor Spears 7″ OD 3¼″ ID Pin x Pin.
1 Pce. Brown Anchor Spears 6⅝″ OD 3¼″ ID Box x Pin.

…2 — One Lot Two Pieces Drilling Tools.
1 Pce. Internal Casing Cutter (BAASHROS) — To cut 6⅝″ Casing
1 Pce. Internal Pipe Cutter (HOMCO) — To cut 3½″ Tubing

…3 — One Unit National Drawworks.
(In need of repair)
1320-DE c/w Standard Equipment.
Serial No.: F-2215.

…4 — Three Units 39ED08 Carrier Air Handling Unit complete with accessories.

…5 — One Unit DodgeTruck.
Engine Driven : Diesel
Registration No. : KA 6625
Year of Manufacture : 1967.

…owing items may be veiwed at the following places : —
Items 1–3 Movables Store, Seria (SSU/31)
Item 4 Main Yard, Seria (SSU/242)
Item 5 Transport Yard, Seria (SSU/23)

### TERMS OF TENDERING

Tenders shall be deemed to be irrevocable and open for acceptance by the Company for a period of fourteen days from the closing date.

All tenderers should enclose a copy of their Bankers letter stating that the amount he is bidding could be paid within ten days after the receipt of the COMPANY's written notice.

The items to be sold are sold on an "as is' 'where is' basis and the successful tenderer must : —
a) sight inspect the item prior to submitting the bid.
b) pay to the COMPANY the total sum tendered for within ten calendar days after receipt of the COMPAN'Ys written notice.
c) remove the materials entirely at his own expense within four working days after payment otherwise the COMPANY will treat this tender null and void, and or charge rent at the rate B$500.00 per day.

The COMPANY further reserves the right : —
a) To refuse to accept any or all tenders submitted, and
b) To withdaw any or all the items before acceptance of any tenderer's offer.

The COMPANY accepts no liability whatsoever for the …ale of the above materials/equipment, which is sold sub-…ect to faults and defects, if any, and without any condition … warranty as to the quality and fitness for purpose …equired or otherwise. A letter of indemnity signed by …e purchaser will be required by the COMPANY before …elease of goods.

… most cases the items to be sold may be viewed on … working day on application to : —
Brunei Shell Petroleum Company Limited,
Supplies Department,
Local Market Development and Disposals Section,
SERIA. (SSU/15 Tel. No. NIA 536 or 403).

The closing date for receipt of Tenders shall be 8.00 a.m. … 28th September, 1981. Tenders should be addressed in …aled envelopes to : —
The Chairman,
Contracts Board,
B.S.P. Co. Ltd.,
Seria,
STATE OF BRUNEI.
"Endorsed : B.S.P. Tender Notice No. SSU 12/81.

The submission of a tender shall be deemed to constitute …ceptance by the tenderer of all the terms of tendering … out herein.

## TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of 112 units of steel water troughs to the Department of Agriculture livestock projects at Birau and Luahan. Details specifications could be obtained from the Agricultural Officer (Project) at Luahan Agricultural Station (Tel : 85-458).

Intending suppliers should state price per unit delivered to Birau/Luahan and time of delivery.

Tenders should be submitted under plain sealed cover marked "Department of Agriculture — Water Troughs — Confidential" to the Chairman of Tenders Board, Brunei, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon on Thursday 8th October, 1981.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the office of State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class 'A' Contractors up to 12.00 noon on Tuesday, 20th October 1981 for the construction and completion of :

NEW ENGINEERING COMPLEX
SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL
KUALA BELAIT
BRUNEI

2. Before the tender documents can be issued, tenderers must show proof that :

2.1 They are currently registered P.W.D. Brunei as Class 'A' Contractors, and who have complied with Government circular referenced PWD/HO/C/15-7 dated 3rd March 1979.

2.2 Tenderers must produce a specific Bankers' letter, stating that in the event of the applicants' tender being successful, the said bank will provide a Security Bond in the amount not less than $100,000.00 and not less than 10% of the submitted tender for the duration of contract. This document must be submitted to the Architects during the Tender period, failure to do so will amount to a rejection of the tender.

3. Tender Documents can be examined at and obtained from the office of the Architects :

BOOTY EDWARDS DAN RAKAN2 AKITEK
146 Jalan Chevalier
Bandar Seri Begawan
Brunei

from Friday 18th September 1981 onwards during normal office hours.

4. The tender deposit required is B$1,000.00 which is in the form of a cheque, shall be made payable to the Architects. This deposit is refundable to each tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all tender documents in good condition.

5. Tenders shall be submitted on the Form of Tender and enclosed in envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the names and address of the tenderer on the envelope.

6. Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

### TAWARAN MEMBEKALKAN SA-BUAH INJIN MOTOR SANGKUT 85 KUASA KUDA

PEMBEKAL2 ada-lah di-pelawa untok membekalkan sa-buah injin Motor-Sangkut 85 Kuasa Kuda kapada Pejabat Daerah Brunei-Muara, Bandar Seri Begawan, Brunei dan segala surat tawaran hendak-lah sampai kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan, Brunei tidak lewat dari 30hb September, 1981 jam 12.00 tengah hari.

2. Pembekal2 juga hendak-lah menyatakan butir2 saperti berikut : —

2.1. Jenis dan harga (termasok alat2 tambahan) C.I.F. Muara Port;
2.2. Kesanggupan berapa lama untok membekalkan-nya;
2.3. Tempoh jaminan sa-lepas membekalkan.

3. Tawaran hendak-lah di-masokkan ka-dalam sampul2 surat biasa yang bertutop. Nama di-muka sampul surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

4. Sampul2 surat itu mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampul surat itu dan perkataan-nya mesti-lah:—

"TAWARAN MEMBEKALKAN SA-BUAH INJIN MOTOR SANGKUT 85 KUASA KUDA KA-PEJABAT DAERAH BRUNEI-MUARA, BRUNEI."

Tawaran2 yang di-terima dalam surat yang tidak di-alamatkan dengan betol akan di-tolak.

5. Kerajaan tidak akan terikat kapada sebarang tawaran yang paling murah atau sa-umpama-nya.

## Sa-bagai Juruteringkas Melayu

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai JURUTRENGKAS MELAYU di-dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei,

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**
1) Mesti-lah lulus pepereksaan Brunei Cambridge Perengkat 'O' atau yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam mata-pelajaran Bahasa Melayu.
2) Boleh menchatet trengkas 80 p.s.m. dan menaip 40 p.s.m.
3) Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang trendah di-(1) tetapi mempunyai pengalaman2 yang luas dalam kerja2 trengkas dan menaip sekurang2-nya 3 tahun atau lebeh akan juga di-pertimbangkan.
4) Pengalaman2 bekerja dalam urusan2 'Sulit' akan di-sifatkan sa-bagai suatu kelebehan.
5) Chalon2 di-kehendaki menjalani ujian trengkas dan menaip.

**Tugas2 dan Tanggong-jawab :**
Kerja2 trengkas dan menaip yang di-arahkan oleh pegawai2 yang tertentu.

'Am :
Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untok bertugas di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**
D. 3 EB. 4-5—$720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 3hb Oktober, 1981.
(E/446/59)
(Bil : 150/1981)

## PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

### No. 116 OF 1981

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 22nd September, 1981 for:—
CONSTRUCTION OF M.S. WINDOW SECURITY GRILLES AND M.S. COLLAPSIBLE GATES AT IMMIGRATION DEPARTMENT OFFICES, MILE 1½, JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 117 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 22nd September, 1981 for:—
RE-CONSTRUCTION OF MANHOLES AND EXTENSION OF SEWER LATERALS ALONG JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 118 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 22nd September, 1981 for:—
THE SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO JALAN TANJONG MAYA/PENAPAR, TUTONG DISTRICT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 119 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 22nd September, 1981 for:—
PROPOSED SHOP HOUSE, CLASSROOM BLOCK, GARAGES, FOOTBALL FIELD AND R.C. DRAIN FOR ISTANA EDINBURGH AT MILE 3 JALAN BERAKAS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 120 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 22nd September, 1981 for:—
DRAINAGE STRUCTURES KAMPONG MATA-MATA PHASE I AND II, GADONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan. Brunei.

### No. 121 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th September, 1981 for:—
CONSTRUCTION OF A PUBLIC TOILET AT BANGAR, TEMBURONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 122 OF 1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th September, 1981 for:—
SUPPLY OF PORTLAND CEMENT TO P.W.D., BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 123 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th September, 1981 for:—
CONSTRUCTION OF PROPOSED TWO BLOCKS OF FURNITURE STORES AT OLD AIRPORT ROAD, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

# Tugas Penghulu2 dan Ketua2 Kampong sangat penting

Dari muka 1

rajaan Beta dapat berhubong rapat dengan raayat dan pendudok2 di-negeri ini dan melalui Penghulu2 dan Ketua2 Kampong juga raayat dan pendudok dapat menghubongi Kerajaan Beta dan menyampaikan masaalah yang di-hadapi oleh mereka," titah Baginda Yang Dipertuan.

"Insha Allah dengan kerjasama Penghulu2 dan Ketua2 Kampong dan Menteri2 Pendalaman sekalian Beta dengan penoh perchaya Negeri Brunei akan dapat terus menekmati laila kemakmoran dan sejahtera," titah Baginda selanjut-nya.

Mengenai kemerdekaan Brunei tahun 1983 yang merupakan zaman yang penoh dengan chabaran dan satu tanggong-jawab yang berat pada semua lapisan raayat di-negeri ini, Kebawah DYMM telah menyeru sekali lagi Penghulu2 dan Ketua2 Kampong perlu-nya mereka menunjokkan chontoh tauladan yang baik pada anak2 buah mereka masing2.

Kerana, titah Baginda Sultan, kemerdekaan hanya akan membawa kebahagiaan jika semua raayat di-negeri ini yang benar2 chintakan keamanan dan ketenteraman serta menumpukan tenaga yang baik dan bersunggoh-sunggoh pada membantu kerajaan Baginda untok mentadbirkan negeri ini dengan sempurna.

Dalam hubongan ini, titah Baginda, tugas kewajipan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong serta Menteri2 Pendalaman ada-lah sangat penting.



**DUTA Besar Jepun ka-Kuala Lumpur, Tuan Yang Terutama Awang Takeo Arita telah melawat Brunei pada minggu lalu.**

**Sa-masa lawatan dua hari itu, Awang Arita telah mengadap ka-hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.**

**Gambar atas kelihatan TYT Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson memperkenalkan Awang Arita kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa Duta Jepun itu mengadap Baginda di-Istana Darul Hana.**

# MELIHAT CHARA DEKAT

Dari muka 1

Maka untok itu, titah Baginda, tujuan lawatan Beta ka-Kampong Mukim Saba ia-lah semata-mata untok melihat sa-chara dekat akan kehidupan raayat di-kampong2 dengan harapan untok mendengar dari raayat dan pendudok2 mengenai apa2 jua kemuskilan, kesulitan yang mereka hadapi di-mukim2 dan kampong2.

Dengan chara sa-umpama ini, titah Baginda Yang Dipertuan selanjut-nya, raayat dan pendudok2 akan dapat bersama-sama berusaha untok memperbaiki atau mengusai apa2 jua yang boleh di-perbaiki semata-mata untok kebaikan dan kerana Allah jua.

"Beta berharap dalam lawatan Beta ka-Mukim2 dan kampong2 yang mana Insha Allah akan Beta teruskan mulai dari sekarang bahawa raayat dan pendudok tidak akan segan2 untok menyatakan serta menerangkan apa2 jua kemuskilan dan kesulitan yang mereka hadapi supaya Beta akan dapat menyuroh pegawai2 Kerajaan Beta yang berkenaan untok menyiasat dan Insha Allah berikhtiar untok memperbaiki keadaa[n] yang boleh di-perbaiki me[-] nurut dasar kerajaan Beta," titah Baginda.

Kebawah Duli Yang Mah[a] Mulia juga telah menyer[u] raayat dan pendudok di-tiap2 kampong supaya memberikan kerjasama yang rapat kapada Penghulu2 dan Ketua2 Kampong supaya sa-suatu kejadian yang berlaku dalam kampong dan mukim itu akan se[-] gera dapat di-ketahui oleh Kerajaan Baginda melalui Pegawai2 Daerah.

Kapada Penghulu2 dan Ke[-] tua2 Kampong pula, Bag[inda] Yang Dipertuan berharap [su-] paya mereka akan sent[iasa] berdamping rapat deng[an] anak2 buah mereka di-sa[m-] ping mengambil berat ak[an] keadaan kampong2 dan m[u-] kim2 yang mereka awasi.

Sa-baik2 sahaja Bagind[a] habis bertitah, Kebawah Du[li] Yang Maha Mulia telah m[e-] ngadakan perjumpaan deng[an] anak2 kampong di-muki[m] berkenaan mengenai masa[a-] lah2 serta kesulitan2 yang m[e-] reka hadapi di-mana dala[m] perjumpaan ini Kebawah D[uli] Yang Maha Mulia send[iri] menjawab segala pertanyaa[n] yang di-hadapkan kapada B[a-] ginda.

Sa-lepas perjumpaan ters[e-] but, Kebawah Duli Yang M[a-] ha Mulia kemudian-nya m[e-] mulakan lawatan ka-muki[m] itu dengan melawat bile[k] darjah di-Sekolah Ugama P[e-] ngiran Anak Saleha sam[bil] beramah mesra dengan muri[d2] di-sekolah berkenaan.

Dari sana, Baginda kem[u-] dian-nya di-junjong berangk[at] melawat ka-sekitar Kampo[ng] Saba dengan di-iringi oleh P[e-] gawai Daerah Brunei d[an] Muara serta ketua2 kampo[ng] untok melihat dan menyak[si-] kan sa-chara dekat akan k[e-] hidupan raayat dan pend[u-] dok2 di-sekitar mukim ters[e-] but.

Antara rumah2 yang Bagi[n-] da lawati termasok-lah r[u-] mah2 Penghulu Mukim Sa[ba] Awang Haji Ahmad bin P[e-] teh Haji Tengah, rumah Ket[ua] Kampong Saba Laut d[an] lain2 lagi.

Kebawah Duli Yang Ma[ha] Mulia telah berangkat ka-m[u-] kim itu dengan di-iringi ol[eh] Adinda Baginda, Yang Te[r-] amat Mulia Paduka Seri D[uli] Pengiran Perdana Wazir Sa[hi-] bol Himmah Wal-Waqar P[e-] ngiran Muda Mohamm[ed] Bolkiah serta Penaseh[at] Umom Baginda, Yang Te[r-] amat Berhormat Pehin Ora[ng] Kaya Laila Setia Bakti Dira[ja] Dato Laila Utama Awg H[aji] Isa.

# JALANKAN TUGAS DGN JUJOR DAN BERDISIPLIN

JALAN MUARA. — Anggota2 pasokan Pulis di-ingatkan supaya menjalankan tugas2 yang di-amanahkan kapada mereka dengan penoh bijaksana, jujor lagi amanah dan berdisiplin, ini ada-lah memandangkan peranan penting yang di-mainkan oleh pasokan tersebut dalam menjaga keamanan dan keselamatan.

Demikian ingatan yang telah di-sabdakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, Penguasa Pulis Kehormat, Komandan Pulis Wanita, di-Upachara Perbarisan Tamat Latehan Pengambilan ketujoh rekrut Pulis Wanita, yang telah berlangsong di-Pusat Latehan Pulis pada hari Rabu lepas.

"Sikap dan pembawaan sa-demikian ini-lah yang di-harap2kan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan," sabda Yang Teramat Mulia itu lagi.

Kapada rekrut2 wanita yang tamat latehan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna mengingatkan agar mereka terus mengamalkan apa2 yang mereka pelajari semasa dalam latehan dengan penoh tanggong-jawab dan dedikasi.

Terdahulu dari itu, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna telah di-junjong oleh Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid, bagi memereksa perbarisan rekrut2 dan anggota2 Pulis yang mengambil bahagian dalam upachara perbarisan.

Sa-ramai 47 orang wanita dari Skuad Wanita pengambilan pertama bagi tahun 1981 itu telah menjalani latehan di-pusat tersebut sa-lama 28 minggu, bermula pada 23hb. Mach, 1981.

Sa-lain dari menjalani latehan dalam jurusan undang2 dan tugas2 am Pulis, mereka juga di-beri pelajaran tambahan, saperti pertolongan chemas, berenang dan menyelamat jiwa serta latehan judo.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna juga menyampaikan hadiah2 kapada rekrut2 terbaik.

Pelateh terbaik dalam semua jurusan ia-lah Rekrut 1538 Salmiah bte Tinggal, terbaik sekali dalam undang2 dan pekerjaan pulis pula ia-lah Rekrut 281 Norbiah bte Metali, sementara Rekrut 1650 Mariam bte Haji Sulaiman menjadi pelateh terbaik sekali dalam kawad, kawad rusohan, latehan senjata dan latehan jasmani.

Turut berangkat ka-upachara itu ia-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah, YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz. Ia-nya juga di-hadhiri oleh Pegawai2 Kanan dan Isteri2 Pulis, anggota2 pasokan, ibu-bapa serta keluarga2 dan sahabat2 handai rekrut2. Upachara tersebut telah di-akhiri dengan bachaan do'a selamat.



**YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna menyampaikan 'baton' kapada rekrut terbaik dalam semua jurusan, Dayang Salmiah bte Tinggal.**

# Mashuarat J-kuasa Kechil Penerangan & Penyiaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Kechil Bahagian Penerangan dan Penyiaran bagi perayaan Kemerdekaan telah melangsongkan mashuarat-nya kali pertama bertempat di-Bilek Persidangan Bahagian Penerangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan di-sini pada hari Selasa 8hb September yang lalu.

Mashuarat tersebut telah di-pengerusikan oleh Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

Ia-nya telah di-hadhiri oleh tujoh orang pegawai2 kanan kerajaan ia-itu Awang Haji Yunos bin Haji Mohd Hussain, Pegawai Pentadbir Kanan di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan sa-bagai wakil Penchetak Kerajaan, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Haji Ghani, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awg Metussin bin Omar, Timbalan Pengarah Muzium, Awang Alimin bin Haji Abd. Wahab, Timbalan Pengawal RTB, Awang Abdullah bin Mudim Haji Bakar, Timbalan Pengarah Talikom, Awang Abd. Mokti bin Haji Md. Daud, Pegawai Ugama Kanan dan Awang Alidin bin Hj. Othman, Ketua Penyunting Berita RTB.

Tujuan di-adakan mashuarat tersebut ia-lah bagi membuat chadangan2 dan sokongan2 yang akan di-hadapkan kapada Jawatankuasa Kerja Kemerdekaan dan Jawatankuasa Tertinggi Kemerdekaan untok mendapatkan kelulusan.

Pada keseluruhan-nya, ranchangan jawatankuasa penyiaran dan penerangan ini ia-lah di-maksudkan untok membuat liputan2 yang berhubong dengan kegiatan2 yang di-anjorkan oleh jawatankuasa tersebut dan juga sambutan kemerdekaan itu nanti yang mana sa-bahagian besar-nya untok menyemarakkan suasana sambutan itu dan membangkitkan kesedaran yang lebeh di-kalangan raayat terhadap kemerdekaan.

Dan semua-nya ini akan di-adakan melalui berbagai2 chara berdasarkan keupayaan dan keperluan yang sesuai dengan keadaan negeri ini.

# Ikrar ta'at setia kapada D.Y.M.M.

Dari muka 1

Dato Paduka Hj. Abdullah yang beruchap mewakili Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah Brunei dan Muara telah juga menyembahkan ikrar taat setia yang berterusan lagi bulat tidak berbelah bahagi kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

"Sambil itu hamba2 Duli Tuan Patek mendo'akan kahadhrat Allah s.w.t., bagi kesejahteraan Kebawah Duli Tuan Patek serta kekal karal memerintah Negeri Brunei Darussalam yang bertuah ini," sembah Dato Paduka Haji Abdullah.

Terdahulu dalam sembahnya, Pegawai Daerah menyembahkan yang keberangkatan Baginda ka-majlis itu akan menjadi ristaan yang manis dan perangsang pada menegohkan peri setia menjunjong daulat Baginda Yang Dipertuan sa-bagai pemerentah tertinggi bagi Negeri Brunei yang di-kasehi ini.

Turut berangkat ka-majlis itu termasok-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka S[eri] Begawan Sultan Sir Mu[da] Omar Ali Saifuddin Saad[ul] Khairi Waddin, Yang Te[r-] amat Mulia Paduka Seri Du[li] Pengiran Perdana Wazir Sah[i-] bol Himmah Wal-Waqa[r] Pengiran Muda Mohamm[ed] Bolkiah, Yang Teramat Mu[lia] Paduka Seri Duli Pengira[n] Digadong Sahibol Mal Peng[i-] ran Muda Jefri Bolkiah ser[ta] Kerabat2 Diraja yang lain.

Turut hadhir ia-lah Tu[an] Yang Terutama Pesurohja[ya] Tinggi British, Awang Arth[ur] Watson, Penasehat Um[om] Kebawah DYMM, Yang Te[r-] amat Berhormat Pehin Ora[ng] Kaya Laila Setia Bakti Dir[aja] Dato Laila Utama Aw[ang] Haji Isa, Yang Amat Berh[or-] mat Pemangku Menteri Be[sar] Pehin Orang Kaya Laila W[i-] jaya Dato Seri Setia Awa[ng] Haji Abdul Aziz, Yang Be[r-] hormat Pemangku Setia Us[a-] ha Kerajaan, Dato Setia Aw[ang] Abdul Rahman bin Dato S[e-] tia Haji Mohd Taib, Yan[g] Amat Mulia Pengiran2 Ch[e-] teria, Ahli2 Yang Berhorma[t] serta pegawai2 kanan kera[-] jaan.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.